



LAPORAN TAHUNAN 2010

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN AWAM
MEMACU KECEMERLANGAN

VISI

Menjadi agensi peneraju dalam melantik penjawat awam yang terbaik.

MISI

Melantik penjawat awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan berkesan.

MOTO

Mudah, Cepat dan Tepat.



“

TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN AWAM
MEMACU KECEMERLANGAN

”

LAPORAN TAHUNAN 2010

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	001
Ringkasan Eksekutif	005
Latar Belakang	009
Ahli-Ahli Suruhanjaya	013
Urus Setia Suruhanjaya	023
Urusan Pelantikan	027
Urusan Perkhidmatan	067
Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib	083
Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya	091
Bajet	107
Keratan Akhbar	113
Program Inovasi dan Kreativiti	117
Aktiviti Sukan dan Sosial Warga SPA	133
Penghargaan	139





01

**PERUTUSAN
PENGERUSI**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



Saya mengucapkan syukur ke hadirat Illahi kerana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah dapat melaksanakan fungsi-fungsinya mengikut peruntukan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dengan jayanya pada tahun 2010.

Sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang bertanggungjawab menguruskan pelantikan pegawai-pegawai awam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, cabaran utama yang dihadapi oleh Suruhanjaya ini adalah untuk memilih pegawai awam yang terbaik di kalangan calon yang baik bagi melaksanakan agenda pembangunan negara. Sehubungan itu, SPA telah menggunakan kaedah pengambilan secara profiling yang juga dikenali sebagai MyRecruitment. Kaedah ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2010. Melalui kaedah ini calon-calon disaring melalui peringkat tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga. Dalam tahun 2010, SPA telah menggunakan kaedah ini dalam urusan pelantikan 16 skim jawatan. Antaranya adalah Penguasa Bomba Gred KB41, Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41, Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M41 dan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41. SPA percaya melalui kaedah MyRecruitment ini calon yang terpilih untuk dilantik adalah calon yang terbaik untuk melaksanakan tugas yang dikehendaki.


Selain daripada penggunaan kaedah pengambilan MyRecruitment, pada tahun 2010 SPA telah menggunakan secara *paralel* sistem permohonan pengisian jawatan kosong oleh Kementerian / Jabatan secara *online* yang juga dikenali sebagai e-PGSPA. Melalui sistem *online* ini Kementerian/ Jabatan boleh mengemukakan permohonan pengisian dengan cepat, teratur dan sistematik dan dalam masa yang sama dapat mengetahui kemajuan tindakan yang diambil di peringkat SPA.

Sepanjang tahun 2010, bilangan pemohon yang mengemukakan permohonan jawatan dengan SPA adalah seramai 1,661,687 berbanding 1,527,070 dalam tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak 8.81%. Daripada jumlah tersebut, seramai 157,427 calon telah dipanggil temu duga dan 44,348 calon telah berjaya dilantik. Daripada jumlah yang dilantik seramai 795 adalah yang mempunyai Ijazah Kelas Pertama atau CGPA 3.50 dan ke atas. Di samping itu, seramai 869 orang adalah calon yang mempunyai Diploma CGPA 3.50 ke atas. Dalam tempoh yang sama, seramai 38,476 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan, 25,271 pegawai diberi taraf berpencen dan seramai 67 pegawai telah merayu kenaikan pangkat. SPA juga telah memutuskan 42 kes tindakan tatatertib dan 305 kes rayuan tatatertib. Dalam tahun 2010, SPA telah mengadakan 45 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 41 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 29 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat melibatkan 2,049 kertas Mesyuarat Suruhanjaya.

Pada tahun 2010, SPA telah berjaya membuka tiga (3) buah pusat temu duga iaitu di Ipoh, Perak, Johor Bahru, Johor dan Alor Setar, Kedah. Objektif pembukaan pusat temu duga ini adalah untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada calon-calon yang berurusan dengan SPA terutamanya untuk urusan temu duga. Kewujudan pusat temu duga SPA ini adalah manifestasi komitmen SPA untuk mendahulukan pelanggan dan mendekatkan lagi perkhidmatan SPA ke peringkat negeri. SPA berhasrat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan menjadikan pusat temu duga ini sebagai *One Stop Centre* yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan termasuk pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Pemohon-pemohon pekerjaan juga boleh menggunakan kemudahan komputer di pusat temu duga ini untuk mengemukakan permohonan secara *online*.

Laporan Tahunan SPA ini diharap dapat menggambarkan peranan, fungsi dan pencapaian SPA secara keseluruhannya bagi tahun 2010.

Sekian, terima kasih dan salam hormat dari saya,



TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI



**PERSIDANGAN
SURUHANJAYA PERDIAMAT AWAN
MALAYSIA KE-**

DIRASMIKAN OLEH

BERI PA

AMAN

KOTA



SURUHANJAYA PERDIAMAT AWAN



02

**RINGKASAN
EKSEKUTIF**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Perkara 146(1), Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Perkara 144(1).

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Untuk tahun 2010, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah diperuntukkan sebanyak RM44,017,300.00. Dari jumlah itu sebanyak RM15,822,900.00 adalah untuk Emolumen; RM26,145,295.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; RM1,889,249.00 untuk Aset; RM154,136.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM5,720.00 untuk Bayaran-bayaran Lain. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam adalah sebanyak RM44,429,564.29 atau 100.94%.

Di bawah Maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,525,900.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,457,347.00 adalah untuk Emolumen; RM3,866,659.59 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM139,208.50 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh akaun awam tahun 2010 ditutup ialah RM7,461,976.97 atau 99.15%.

Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Permohonan • Bilangan Permohonan Diterima	1,661,687 pemohon
2.	Pengambilan • Bilangan Urusan Pengambilan	349 kali
3.	Pelantikan • Bilangan Pelantikan Tetap	28,778 calon
	• Bilangan Pelantikan Kontrak	6,283 calon
4.	Pemilihan Pelatih • Bilangan Pemilihan Pelatih Separa Perubatan	9,287 calon

5.	Urusan Perkhidmatan	
	• Bilangan Pengesahan Pelantikan	38,699 pegawai
	• Bilangan Pengesahan Dalam Perkhidmatan	38,476 pegawai
	• Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan	1,299 pegawai
	• Bilangan Pemberian Taraf Berpencen	25,271 pegawai
	• Bilangan Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu	10 pegawai
	• Bilangan Pembatalan Tawaran Pelantikan	28 pegawai
	• Bilangan Penamatan Perkhidmatan	129 pegawai
	• Bilangan Pertukaran Perkhidmatan	10,749 pegawai
	• Bilangan Penetapan Gaji Permulaan	2,645 pegawai
	• Bilangan Pertukaran Sementara, Peminjaman dan Pertukaran Tetap	1,045 pegawai
	• Bilangan Pelepasan Untuk Peminjaman dan Pertukaran Pelantikan	138 pegawai
	• Bilangan Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen	23,126 pegawai
6.	Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib	
	• Bilangan Kenaikan Pangkat	382 pegawai
	• Bilangan Rayuan Kenaikan Pangkat	67 pegawai
	• Bilangan Tindakan Tatatertib	42 kes
	• Bilangan Rayuan Tatatertib	311 kes

Mesyuarat Suruhanjaya sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Mesyuarat	
	• Bilangan Mesyuarat Suruhanjaya	45 kali
	• Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib	41 kali
	• Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	29 kali



S PENI
SUP
M
PERSIDA
JAYA PE
KE - 1

AL
BINI
RKHIDN

03

**LATAR
BELAKANG**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah ditubuhkan mengikut Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- melantik;
- mengesahkan;
- memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- menaikkan pangkat;
- menukar; dan
- menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c), Perlembagaan Persekutuan;
- Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1)(f), Perlembagaan Persekutuan; dan
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

• Negeri Melaka dan Pulau Pinang

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan.

• Negeri Sembilan

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 Negeri Sembilan* dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order, 1961 Negeri Sembilan* selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya Diraja;
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Pegawai Kerani kepada Undang; dan
- Penghulu.

- **Negeri Perlis**

Selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 Negeri Perlis* dan *Public Services Commission (Extended Jurisdiction) Order, 1960 Negeri Perlis* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

- Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu;
- Pegawai dalam Bahagian IV;
- Penghulu dan Penolong Penghulu; dan
- Pekerja bergaji hari.

KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN

Perkara 144(6), Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakili kuasanya kepada kementerian/jabatan dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, perwakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- P.U. (B) 16 mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara bagi melantik pegawai ke jawatan Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar Gred S41 kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen;
- P.U. (B) 74 mewakili kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bagi pelantikan ke jawatan tertentu di Pentadbiran Negeri tersebut;
- P.U. (B) 496 mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Jabatan untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D di bawah JKK).

PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT

Perkara 144(5B)(i), Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 Negeri Perlis* dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 Negeri Sembilan* memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

Selaras dengan peruntukan tersebut, lembaga tatatertib dan lembaga kenaikan pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan tugas Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Selaras dengan Perkara 140(3), Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya iaitu YBhg. Datuk Salim Bin Hashim telah dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula dari 7 Disember 2009 sehingga kini.





04

**AHLI - AHLI
SURUHANJAYA**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan. Ahli Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli biasa (minimum 4 orang). Dalam tahun 2010, Suruhanjaya dianggotai oleh:

Pengerusi



YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri
P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.S., D.G.P.N., D.M.P.N., D.P.M.P., K.M.N.

Timbalan Pengerusi



YBhg. Dato' Ahmad bin Said
D.P.M.T., D.S.P.N., A.S.M., K.M.N., A.M.T.



Tuan Haji Abang Talhata
bin Haji Abang Hazemi
*K.M.N., PPC., PB.K., A.M.N., PPB., PPD.,
D.E.A. [U.K]*
Sehingga 15-07-2010



Pengiran Haji Zain
bin Pengiran Haji Salleh
J.B.K., PB.K., PPD., PPB.
Sehingga 12-10-2010



Tuan Haji Bujang Mohidin
bin Haji Jol
J.B.K., K.M.N., PPC., PPD, PPB.



YBhg. Datuk Haji Harith
Munjong Yahya
PG.D.K., A.M.N.



Puan Hajah Siti Fatimah
binti Abd. Majid
A.M.N., A.D.K., B.S.K.



YBhg. Dato' Noraina Amenyah
binti Yahaya Uddin
D.I.M.P., K.M.N., A.M.P.
Sehingga 05-11-2010



Puan Hajah Kasmah
binti Mohd Shariff
A.M.N.



Encik Chan Ah Loon
K.M.N.



Puan Hajah Zaiton
binti Mohd Shaharon
K.M.N.



YBhg. Dato' Haji Luey bin Puteh
D.I.M.P., D.S.M., K.M.N., A.M.N.



YBhg. Datuk Kee Sue Sing
P.J.N., K.M.N., A.M.N., P.J.K.



YBhg. Dato' Abdul Abas
bin Abdul Rahman
D.I.M.P., J.S.M., K.M.N., A.M.N.



Encik Tambi bin Abu Hasan
D.S.M., K.S.D., A.M.N.



Encik Lim Kar Keng



Encik Thilaganaban S. Mariappen
P.M.P., K.M.N.



Puan Thoong Lay Chooi
D.J.N., A.M.N.



YBhg. Datuk Mohtar bin Abas
*P.J.N., D.S.P.N., S.D.K., D.J.N.,
P.K.T., A.M.N., P.J.K.*



YBhg. Ar. Noorisah
binti Abd. Shukor
J.S.D., K.M.N., A.M.N.



Puan Jaazah binti Jaafar
J.S.M., K.M.N., A.M.N.



Encik Chua Toong Ka
K.M.N.



YBhg. Datuk Haji Mustapha
bin Naina Maricar
P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., A.M.N.



YBhg. Datuk Ignatius J. Bantoi
P.G.D.K., A.M.N., A.S.D.K., B.S.K.



YBhg. Ir. Lee Soon Jin
J.S.M., J.S.D., P.M.P., A.M.N., A.S.K



Tuan Haji Aziz bin Othman
A.M.N., P.C.M.



YBhg. Dato' Dr. Haji Ramlee
bin Haji Rahmat
D.I.M.P., D.N.S., K.M.N.



YBhg. Dato' Abdul Rahman
bin Husin
D.I.M.P., J.M.N., K.M.N.



YBhg. Datuk Salim bin Hashim
P.J.N., D.S.N.S., J.S.D.



YBhg. Datin Norasmah
binti Samsudin
K.M.N.



Encik Perumal a/I Govindarajoo



YBhg. Datuk Haji Awang Nohin
bin Awang Rauf
P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., A.M.N.
Mulai 1 Mac 2010



Tuan Haji Abdullah bin Jamil
P.P.C., P.B.K., A.M.N., P.P.B., P.P.S.
Mulai 1 Oktober 2010



05

**URUS SETIA
SURUHANJAYA**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

URUS SETIA SURUHANJAYA

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha PTD Gred Utama B dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha PTD Gred Utama C, 12 orang Setiausaha Bahagian terdiri daripada enam (6) orang pegawai gred 54, enam (6) orang pegawai gred 52, seorang Penasihat Undang-Undang serta 467 orang pegawai pelbagai pangkat dan gred.

Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya; di Kota Kinabalu bagi Cawangan Sabah dan di Kuching bagi Cawangan Sarawak.



Dari Kiri

1. **YBHG. DATO' LAMIEN BIN SAWIYO**
SETIAUSAHA
2. **ENCIK RAMLI BIN JUHARI**
TIMBALAN SETIAUSAHA (PENGAMBILAN)
3. **PUAN LIM MOOI EIA**
TIMBALAN SETIAUSAHA (PERKHIDMATAN)
4. **ENCIK ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD**
SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGAMBILAN
5. **ENCIK MOHD SHAIFUL BIN IBRAHIM**
SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGAMBILAN KHAS
6. **ENCIK CHE HARUN BIN MOHAMMAD**
SETIAUSAHA BAHAGIAN PEPERIKSAAN
7. **PUAN CHAN HONG JIN**
SETIAUSAHA BAHAGIAN PERKHIDMATAN
8. **ENCIK ABD RAHMAN BIN MOHAMAD**
SETIAUSAHA BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB
9. **ENCIK KAMARUZZAMAN BIN HASSAN**
SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



- 10. **ENCIK MUSA BIN SULAIMAN**
SETIAUSAHA BAHAGIAN URUS SETIA CAWANGAN SABAH
- 11. **ENCIK MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH**
SETIAUSAHA BAHAGIAN URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK
- 12. **ENCIK SHAFARIN BIN NASUREDIN**
SETIAUSAHA BAHAGIAN URUS SETIA MESYUARAT
- 13. **ENCIK MOHD NAZRI BIN DOLLAH**
SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN

- 14. **ENCIK ANUAR BIN OTHMAN**
SETIAUSAHA BAHAGIAN URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
- 15. **ENCIK MOHAMMAD ABIDDIN BIN ABD RAHMAN**
SETIAUSAHA BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN
- 16. **CIK SHAMSURRYATY BINTI SHAMSUDDIN**
PENASIHAT UNDANG-UNDANG





06

**URUSAN
PELANTIKAN**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Urusan Pelantikan

Pelantikan, iaitu pelantikan tetap, sementara atau kontrak, merupakan satu daripada enam fungsi Suruhanjaya. Fungsi ini melibatkan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Pada tahun 2010, jumlah permohonan menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 1,661,687 permohonan telah diterima melalui SPA 8i (Online). Mulai 1 Januari 2009 SPA tidak lagi menggunakan borang OMR dan permohonan adalah melalui *online* sepenuhnya (SPA 8i). Manakala pada tahun 2009, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 1,527,070 iaitu 3,716 melalui SPA 8 (OMR) dan 1,523,354 melalui SPA 8i (Online). Pecahan permohonan adalah seperti di **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERMOHONAN JAWATAN MELALUI SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (eSMSM) BAGI TAHUN 2009-2010

TAHUN	BORANG DITERIMA		
	SPA 8 (OMR)	SPA 8i (Online)	JUMLAH
2009	3,716	1,523,354	1,527,070
2010	-	1,661,687	1,661,687


Daripada 1,661,687 jumlah permohonan, seramai 157,427 calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Seramai 109,768 calon telah menghadiri temu duga dan seramai 44,348 calon telah ditawarkan pelantikan dan latihan separa perubatan merangkumi 10,840 calon bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional; 9,286 calon bagi Kumpulan Sokongan I dan 24,222 calon bagi Kumpulan Sokongan II termasuk 9,287 calon Latihan Separa Perubatan. Pada tahun 2009, seramai 358,366 calon dipanggil temu duga, seramai 199,660 menghadiri temu duga dan seramai 50,756 calon ditawarkan pelantikan dan latihan separa perubatan. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan, calon dipanggil temu duga, hadir temu duga dan dilantik pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 2, Carta 1(a) dan Carta 1(b)**.

JADUAL 2
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA , CALON HADIR TEMU DUGA
DAN CALON DILANTIK BAGI TAHUN 2009-2010

TAHUN	KUMPULAN JAWATAN	JUMLAH PERMOHONAN (INDIVIDU)	BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN LANTIKAN
2009	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (IJAZAH)	194,975	33,594	25,364	8,524
	SOKONGAN I (DIPLOMA)	316,323	47,837	31,601	13,304
	SOKONGAN II (SIJIL,SPM,PMR)	1,015,772	276,935	142,695	28,928
	JUMLAH	1,527,070	358,366	199,660	50,756
2010	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (IJAZAH)	269,687	21,687	17,732	10,840
	SOKONGAN I (DIPLOMA)	339,297	25,952	20,992	9,286
	SOKONGAN II (SIJIL,SPM,PMR)	1,052,703	109,788	71,044	24,222
	JUMLAH	1,661,687	157,427	109,768	44,348


Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Sokongan dan jawatan Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan.

CARTA 1 (a)
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA
DAN CALON DILANTIK BAGI TAHUN 2009 – 2010



- Bilangan Permohonan
- Bilangan Calon Dipanggil Temu Duga
- Bilangan Hadir Temu Duga
- Bilangan Calon Dilantik

CARTA 1 (b)
PERATUS LANTIKAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2010



PELANTIKAN TETAP

Urusan pelantikan yang dilaksanakan melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM) telah diperkenalkan pada tahun 1997. Di bawah sistem ini, calon boleh mendaftarkan permohonan mereka pada bila-bila masa sepanjang tahun tanpa menunggu iklan disiarkan. Urusan pengambilan bermula apabila Suruhanjaya menerima permohonan pengisian jawatan dari kementerian/jabatan. Keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan sistem ini telah mendapat pengiktirafan kerajaan apabila Suruhanjaya menerima penganugerahan standard kualiti MS ISO 9002 pada 9 Februari 1999 dan terkini telah dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 22 November 2009.

- **Pelantikan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan**

Pada tahun 2010, sejumlah 349 urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I dan II di kementerian/jabatan dan pentadbiran negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Pada tahun 2010, seramai 8,457 calon telah dilantik ke jawatan Separa Perubatan, termasuk 811 calon bukan tajaan berbanding dengan tahun 2009, Suruhanjaya telah melantik seramai 6,846 calon ke jawatan Separa Perubatan, termasuk 208 calon bukan tajaan. Butiran terperinci seperti di **Jadual 3** dan **Carta 2**.

- **Pemilihan Mengikuti Latihan Separa Perubatan**

Pada tahun 2010, Urus Setia Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menemu duga seramai 26,952 calon berbanding 58,888 calon pada tahun 2009 bagi mengikuti latihan Separa Perubatan.


Seramai 9,287 calon telah dipilih untuk mengikuti 13 jenis latihan pada peringkat diploma dan sijil dalam tahun 2010 berbanding 11,536 calon pada tahun 2009. Sila lihat **Jadual 4** dan **Carta 3**.

Jumlah pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 3
PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2009	2010
1.	Juru X-Ray Gred U29	160	375
2.	Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U29	104	80
3.	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U29	99	78
4.	Jururawat Gred U29	3,112	3,426
5.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	334	454
6.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	632	765
7.	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	409	491
8.	Jururawat Pergigian Gred U29	130	114
9.	Juruteknologi Pergigian Gred U29	41	43
10.	Penolong Pegawai Farmasi Gred U29	250	420
JAWATAN BERTARAF SIJIL			
11.	Jururawat Masyarakat Gred U19	1,161	1,502
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17	145	191
13.	Pembantu Kesihatan Awam Gred U17	269	518
JUMLAH		6,503	8,457


CARTA 2
PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2009-2010



JADUAL 4
PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2009	2010
1.	Juru X-Ray	367	105
2.	Jurupulih Perubatan (Anggota)	285	215
3.	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	100	200
4.	Jururawat	4,843	3,658
5.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	674	394
6.	Penolong Pegawai Perubatan	1,209	1,056
7.	Juruteknologi Makmal Perubatan	727	535
8.	Jururawat Pergigian	30	150
9.	Juruteknologi Pergigian	52	54
10.	Penolong Pegawai Farmasi	506	230
JAWATAN BERTARAF SIJIL			
11.	Jururawat Masyarakat	1,910	1,814
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian	368	296
13.	Pembantu Kesihatan Awam	465	580
JUMLAH		11,536	9,287

CARTA 3
PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2009 – 2010



JADUAL 5
SENARAI JUMLAH PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2010

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
	LANTIKAN TETAP	
KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL		
1.	AKAUNTAN GRED W41	42
2.	ARKITEK GRED J41	15
3.	JURU X-RAY GRED U41	20
4.	JURURAWAT GRED U41	22
5.	JURUTERA (AWAM) GRED J41	98
6.	JURUTERA (ELEKTRIK) GRED J41	15
7.	JURUTERA (ELEKTRONIK) GRED J41	12
8.	JURUTERA (MEKANIKAL) GRED J41	11
9.	JURUUKUR BAHAN GRED J41	8
10.	JURUUKUR GRED J41	5
11.	KURATOR GRED S41	1
12.	LEFTENAN MARITIM GRED X17	52
13.	PEGAWAI ARKIB GRED S41	15
14.	PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41	4
15.	PEGAWAI DIETETIK GRED U41	48
16.	PEGAWAI FARMASI GRED U41	877
17.	PEGAWAI GALIAN GRED C41	1
18.	PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41	75
19.	PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G41	25
20.	PEGAWAI KAJIBUMI(GEOFIZIK/KAJIBUMI) GRED C41	3
21.	PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C41	14
22.	PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B41	17
23.	PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41	6
24.	PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U41	3
25.	PEGAWAI LATIHAN GRED E41	27
26.	PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J41	353
27.	PEGAWAI METEOROLOGI GRED C41	24
28.	PEGAWAI OPTOMETRI GRED U41	9
29.	PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S41	37
30.	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41	75
31.	PEGAWAI PENERANGAN GRED S41	32
32.	PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N41	2

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
33.	PEGAWAI PENILAIAN GRED W41	11
34.	PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41	74
35.	PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL GRED N41	5
36.	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41	3
37.	PEGAWAI PERGIGIAN GRED U41	299
38.	PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S41	23
39.	PEGAWAI PERIKANAN GRED G41	27
40.	PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP41	39
41.	PEGAWAI PERTANIAN GRED G41	43
42.	PEGAWAI PERUBATAN GRED UD41	2,813
43.	PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41	155
44.	PEGAWAI SAINS GRED C41	320
45.	PEGAWAI SIASATAN GRED P41	8
46.	PEGAWAI SYARIAH GRED LS41	44
47.	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41	2,008
48.	PEGAWAI TADBIR GRED N41	1
49.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C41	84
50.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41	184
51.	PEGAWAI VETERINAR GRED G41	18
52.	PEMELIHARA HUTAN GRED G41	2
53.	PENERBIT RANCANGAN GRED B41	52
54.	PENGAJAR (JURU X-RAY) GRED U41	11
55.	PENGAJAR (JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA) GRED U41	6
56.	PENGAJAR (JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA) GRED U41	3
57.	PENGAJAR (JURURAWAT) GRED U41	122
58.	PENGAJAR (JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN) GRED U41	16
59.	PENGAJAR (PENOLONG PEGAWAI FARMASI) GRED U41	1
60.	PENGAJAR (PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN) GRED U41	3
61.	PENGAJAR (PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN) GRED U41	8
62.	PENGUASA BOMBA GRED KB41	80
63.	PENGUASA IMIGRESEN GRED KP41	7
64.	PENGUASA KASTAM GRED W41	284
65.	PENGUASA PENJARA GRED KX41	15
66.	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U41	5
67.	PERANGKAWAN GRED E41	10
68.	PEREKA GRED B41	4
69.	PUSTAKAWAN GRED S41	25
Jumlah Kumpulan Pengurusan & Profesional:		8,761

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
	LANTIKAN TETAP	
KUMPULAN SOKONGAN I		
70.	AHLI FOTOGRAFI GRED B27	4
71.	ARTIS BUDAYA GRED B27	15
72.	JURU X-RAY GRED U29	375
73.	JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA GRED U29	80
74.	JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA GRED U29	78
75.	JURURAWAT GRED U29	3,426
76.	JURURAWAT PERGIGIAN GRED U29	114
77.	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U29	491
78.	JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U29	43
79.	LEFTENAN MUDA MARITIM GRED X13	54
80.	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA GRED DGA29	6
81.	PEMBANTU TEKNIK UKUR GRED J29	4
82.	PENERBIT RANCANGAN GRED B27	14
83.	PENGHULU GRED NP27	3
84.	PENOLONG AKAUNTAN GRED W27	120
85.	PENOLONG JURUAUDIT GRED W27	173
86.	PENOLONG JURUTERA (AWAM) GRED J29	56
87.	PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK) GRED J29	21
88.	PENOLONG JURUTERA (ELEKTRONIK) GRED J29	7
89.	PENOLONG JURUTERA (KIMIA) GRED J29	1
90.	PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) GRED J29	21
91.	PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED J29	16
92.	PENOLONG KURATOR GRED S27	3
93.	PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH GRED S27	90
94.	PENOLONG PEGAWAI ARKIB GRED S27	13
95.	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S27	37
96.	PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U29	420
97.	PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S27	166
98.	PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G27	20
99.	PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C27	40
100.	PENOLONG PEGAWAI KESATRIA GRED S27	2
101.	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP27	32
102.	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29	454
103.	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN GRED E27	9
104.	PENOLONG PEGAWAI LAUT GRED A29	17

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
105.	PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S27	166
106.	PENOLONG PEGAWAI PENDAFTARAN GRED KP27	43
107.	PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN GRED S27	69
108.	PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN GRED N27	3
109.	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N27	74
110.	PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN GRED C27	31
111.	PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q27	7
112.	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA GRED J29	1
113.	PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN GRED E27	14
114.	PENOLONG PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S27	28
115.	PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN GRED G27	7
116.	PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN GRED S27	16
117.	PENOLONG PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP27	56
118.	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G27	22
119.	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29	765
120.	PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S27	8
121.	PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C27	30
122.	PENOLONG PEGAWAI SIASATAN GRED P29	180
123.	PENOLONG PEGAWAI SYARIAH GRED LS27	9
124.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27	571
125.	PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT27	21
126.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C27	1
127.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F29	326
128.	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29	35
129.	PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G27	36
130.	PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27	15
131.	PENOLONG PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J29	2
132.	PENOLONG PENGUASA BOMBA GRED KB29	165
133.	PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN GRED KP27	27
134.	PENOLONG PENGUASA KASTAM GRED W27	53
135.	PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KX27	50
136.	PENOLONG PENGURUS ASRAMA GRED N27	17
137.	PEREKA GRED B27	10
138.	SETIAUSAHA PEJABAT GRED N27	3
Jumlah Kumpulan Sokongan I:		9,286

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
LANTIKAN TETAP		
KUMPULAN SOKONGAN II		
139.	AHLI FOTOGRAFI GRED B17	48
140.	ARTIS BUDAYA GRED B17	42
141.	JURUBAHASA GRED L17	145
142.	JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19	1,502
143.	JURUTEKNIK (AUTOMOTIF) GRED J17	32
144.	JURUTEKNIK (AWAM) GRED J17	268
145.	JURUTEKNIK (ELEKTRIK) GRED J17	94
146.	JURUTEKNIK (ELEKTRONIK) GRED J17	211
147.	JURUTEKNIK (MEKANIKAL) GRED J17	39
148.	JURUTEKNIK (SENIBINA) GRED J17	13
149.	JURUTEKNIK (UKUR BAHAN) GRED J17	5
150.	JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17	562
151.	JURUTEKNIK PERANCANG BANDAR & DESA GRED J17	1
152.	JURUTEKNIK UKUR GRED J17	33
153.	LASKAR KELAS II MARITIM GRED X1	43
154.	OPERATOR WAYARLES GRED N17	2
155.	PEGAWAI BOMBA GRED KB17	401
156.	PEGAWAI IMIGRESEN GRED KP17	319
157.	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17	911
158.	PEGAWAI PENJARA GRED KX17	49
159.	PEGAWAI PERHUBUNGAN PREMAN GRED KP19	3
160.	PELUKIS PELAN GRED J17	20
161.	PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17	264
162.	PEMBANTU BELIA DAN SUKAN GRED S17	15
163.	PEMBANTU GALIAN GRED C17	6
164.	PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S17	11
165.	PEMBANTU KAJI BUMI GRED C17	12
166.	PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP17	123
167.	PEMBANTU LAUT GRED A17	38
168.	PEMBANTU MAKMAL FILEM GRED C17	4
169.	PEMBANTU MAKMAL GRED C17	83
170.	PEMBANTU METEOROLOGI GRED C17	8
171.	PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S17	124
172.	PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U17	191
173.	PEMBANTU PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J17	11
174.	PEMBANTU PEMULIHARAAN GRED S17	8
175.	PEMBANTU PENDAFTARAN GRED KP17	135

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
176.	PEMBANTU PENERBITAN GRED N17	9
177.	PEMBANTU PENGUASA KASTAM GRED W17	68
178.	PEMBANTU PENGUATKUASA GRED N17	23
179.	PEMBANTU PENILAIAN GRED W17	15
180.	PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q17	8
181.	PEMBANTU PERANGKAAAN GRED E17	21
182.	PEMBANTU PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S17	17
183.	PEMBANTU PERIKANAN GRED G17	89
184.	PEMBANTU PERPUSTAKAAN GRED S17	52
185.	PEMBANTU PERTAHANAN AWAM GRED KP17	151
186.	PEMBANTU PERTANIAN GRED G17	57
187.	PEMBANTU SYARIAH GRED LS17	27
188.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17	1,232
189.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17	2,431
190.	PEMBANTU TADBIR (UNDANG-UNDANG) GRED L17	74
191.	PEMBANTU VETERINAR GRED G17	58
192.	PENERBIT RANCANGAN GRED B17	1
193.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17	2
194.	PENYELIA ASRAMA GRED N17	37
195.	PEREKA GRED B17	26
196.	RENJER HUTAN GRED G17	11
197.	PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U17	518
198.	TUKANG MASAK GRED N17	28
199.	LATIHAN JURU X-RAY	105
200.	LATIHAN JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA	215
201.	LATIHAN JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA	200
202.	LATIHAN JURURAWAT	3,658
203.	LATIHAN JURURAWAT PERGIGIAN	150
204.	LATIHAN JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	535
205.	LATIHAN JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN	54
206.	LATIHAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI	230
207.	LATIHAN PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN	394
208.	LATIHAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	1,056
209.	LATIHAN JURURAWAT MASYARAKAT	1,814
210.	LATIHAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM	580
211.	LATIHAN PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN	296
Jumlah Kumpulan Sokongan II:		20,018
Jumlah Lantikan Tetap		38,065

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
	LANTIKAN KONTRAK	
KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL		
1.	AHLI MUZIK GRED B41	7
2.	AKAUNTAN GRED W41	6
3.	GURU BAHASA GRED DG41	3
4.	JURU X-RAY GRED U41	1
5.	JURURAWAT GRED U41	1
6.	JURUTERA GRED J41	3
7.	JURUTERBANG/PEMERIKSA JURUTERBANG GRED A41	3
8.	LEFTENAN KOMANDER MARITIM GRED X20	15
9.	LEFTENAN MARITIM GRED X17	9
10.	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG41	32
11.	PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41	1
12.	PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E41	1
13.	PEGAWAI FARMASI GRED U41	8
14.	PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41	3
15.	PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B41	2
16.	PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U41	1
17.	PEGAWAI LATIHAN GRED E41	17
18.	PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S41	1
19.	PEGAWAI PENERANGAN GRED S41	186
20.	PEGAWAI PENERBITAN GRED N41	1
21.	PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41	13
22.	PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL GRED N41	1
23.	PEGAWAI PERGIGIAN GRED U41	36
24.	PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S41	5
25.	PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP41	15
26.	PEGAWAI PERUBATAN GRED UD41	376
27.	PEGAWAI SAINS GRED C41	9
28.	PEGAWAI SIASATAN GRED P41	36
29.	PEGAWAI SYARIAH GRED LS41	1
30.	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41	590
31.	PEGAWAI TADBIR GRED N41	81
32.	PEGAWAI TADBIR NEGERI GRED N41	2
33.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41	2
34.	PENGAJAR (JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA) GRED U41	1
35.	PENGAJAR (JURURAWAT) GRED U41	4
36.	PENGAJAR GRED U41	3

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
37.	PENGURUS ASRAMA GRED N41	1
38.	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U41	2
39.	PERANGKAWAN GRED E41	12
40.	PEREKA GRED B41	1
Jumlah Lantikan Kontrak Kumpulan Pengurusan & Profesional:		1,492
KUMPULAN SOKONGAN I		
41.	AHLI MUZIK GRED B27	54
42.	ARTIS BUDAYA GRED B27	2
43.	BENTARA MESYUARAT	1
44.	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA GRED DGA29	11
45.	PENERBIT RANCANGAN GRED B27	7
46.	PENOLONG JURUTERA GRED J29	28
47.	PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED J29	7
48.	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S27	1
49.	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J29	2
50.	PENOLONG PEGAWAI LAUT GRED A29	1
51.	PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S27	13
52.	PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN GRED S27	38
53.	PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN GRED N27	2
54.	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N27	3
55.	PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN GRED S27	194
56.	PENOLONG PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP27	88
57.	PENOLONG PEGAWAI SIASATAN GRED P29	17
58.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27	71
59.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F29	7
60.	BINTARA MUDA MARITIM	2
Jumlah Lantikan Kontrak Kumpulan Sokongan I:		549
KUMPULAN SOKONGAN II		
1.	AHLI FOTOGRAFI GRED B17	1
2.	AHLI MUZIK GRED B17	3
3.	AHLI MUZIK GRED B21	7
4.	AHLI MUZIK GRED B25	1
5.	ARTIS BUDAYA GRED B17	22
6.	BINTARA KANAN MARITIM GRED X8	44
7.	BINTARA MUDA MARITIM GRED X6	23
8.	JURUBAHASA CINA GRED L17	8
9.	JURURAWAT GRED U29	1
10.	JURUSOLEK GRED B21	1

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
11.	JURUTEKNIK (AWAM) GRED J17	28
12.	JURUTEKNIK (ELEKTRIK) GRED J17	17
13.	JURUTEKNIK (ELEKTRONIK) GRED J17	1
14.	JURUTEKNIK (MEKANIKAL) GRED J17	9
15.	JURUTEKNIK (SENIBINA) GRED J17	12
16.	JURUTEKNIK (UKUR BAHAN) GRED J17	10
17.	JURUTEKNIK GRED J17	1
18.	JURUTEKNIK GRED J22	1
19.	JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17	4
20.	JURUTEKNIK UKUR GRED J17	40
21.	LASKAR KANAN MARITIM GRED X4	35
22.	LASKAR KELAS I MARITIM GRED X2	17
23.	LASKAR MARITIM GRED X6	2
24.	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17	10
25.	PEGAWAI SERANTA GRED S22	60
26.	PEGAWAI WARAN I MARITIM GRED X12	1
27.	PEGAWAI WARAN II MARITIM GRED X10	5
28.	PELUKIS PELAN GRED J17	13
29.	PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S17	96
30.	PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S26	1
31.	PEMBANTU KESATRIA GRED S17	1,235
32.	PEMBANTU KESATRIA GRED S22	12
33.	PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP17	23
34.	PEMBANTU LAUT GRED S22	2
35.	PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S17	674
36.	PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S22	124
37.	PEMBANTU PENDAFTARAN GRED KP17	106
38.	PEMBANTU PENERANGAN GRED S17	1
39.	PEMBANTU PENERANGAN GRED S22	199
40.	PEMBANTU PENERBITAN GRED N17	2
41.	PEMBANTU PENERBITAN GRED N22	1
42.	PEMBANTU PENGUATKUASA GRED N17	28
43.	PEMBANTU PENGURUSAN MURID GRED N17	368
44.	PEMBANTU PERIKANAN GRED G17	1
45.	PEMBANTU PERPUSTAKAAN GRED S17	334

BIL	SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)	PELANTIKAN 2010
46.	PEMBANTU PERTAHANAN AWAM GRED KP17	17
47.	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N17	3
48.	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N32	1
49.	PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N17	3
50.	PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N32	5
51.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17	11
52.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17	433
53.	PENERBIT RANCANGAN GRED B25	4
54.	PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT17	51
55.	PENYELIA ASRAMA GRED N17	3
56.	PENYELIA KAFA GRED S17	116
57.	PEREKA GRED B17	1
58.	PEREKA GRED B21	3
59.	SERANG GRED A17	2
60.	SETIAUSAHA PEJABAT GRED N32	5
Jumlah Lantikan Kontrak Kumpulan Sokongan II:		4,242
Jumlah Lantikan Kontrak		6,283
JUMLAH KESELURUHAN		44,348

Pelantikan Kontrak

Suruhanjaya telah melaksanakan urusan pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak seramai 4,400 orang warganegara dan 457 orang bukan warganegara pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 yang hanya melantik seramai 1,556 orang warganegara dan 261 bukan warganegara. Jumlah keseluruhan di bawah pelantikan ini adalah seramai 4,857 orang pada tahun 2010 berbanding 1,817 orang pada tahun 2009. Pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 6**.

JADUAL 6
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK BAGI TAHUN 2009 – 2010

TAHUN	PELANTIKAN		PELANTIKAN SEMULA		JUMLAH
	Warganegara	Bukan Warganegara	Warganegara	Bukan Warganegara	
2009	1,310	100	246	161	1,817
2010	1,156	163	3,244	294	4,857

Dalam usaha mengisi kekosongan jawatan yang kekurangan bilangan calon seperti Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, Suruhanjaya juga telah melantik secara kontrak calon warganegara dan bukan warganegara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah melantik seramai 457 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian berbanding 349 pada tahun 2009.

Pelantikan secara Kontrak Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 7**.

JADUAL 7
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK
PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN BUKAN WARGANEGARA BAGI TAHUN 2009-2010

TAHUN	PEGAWAI PERUBATAN		PEGAWAI PERGIGIAN		JUMLAH
	Pelantikan	Pelantikan Semula	Pelantikan	Pelantikan Semula	
2009	130	174	20	25	349
2010	149	266	14	28	457

Pelantikan ke Jawatan Khas

Jawatan Khas terdiri daripada jawatan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Pengelola Bijaya DiRaja dan semua jawatan Pesuruhjaya Tinggi/Duta Besar. Dalam tahun 2010, Suruhanjaya telah menguruskan pelantikan (termasuk pelantikan kontrak) bagi Jawatan Khas berikut:

- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Ketua Pengarah Kesihatan
- Ketua Pengarah Kastam
- Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat
- Duta Besar Malaysia ke Cambodia
- Duta Besar Malaysia ke Republik Rakyat China
- Duta Besar Malaysia ke Republik Persekutuan Jerman
- Duta Besar Malaysia ke Syria
- Duta Besar Malaysia ke Sweden
- Duta Besar Malaysia ke Switzerland
- Duta Besar Malaysia ke Austria
- Duta Besar Malaysia ke Perancis
- Duta Besar Malaysia ke Filipina
- Duta Besar Malaysia ke Ireland
- Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu
- Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi
- Duta Besar Malaysia ke Laos
- Duta Besar Malaysia ke Mexico
- Duta Besar Malaysia ke Sepanyol
- Duta Besar Malaysia ke Qatar
- Duta Besar Malaysia ke Oman
- Duta Besar Malaysia ke Ukraine
- Duta Besar Malaysia ke Thailand
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India

KAEDAH URUSAN PENGAMBILAN

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan urusan pengambilan, beberapa pendekatan telah diperkenalkan iaitu:

- **Temu Duga Secara Temujanji**

Kaedah Temu Duga Secara Temujanji telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya pada akhir tahun 2002, khususnya bagi pengambilan calon warganegara berkelulusan luar negara bagi jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Di bawah kaedah ini, lulusan tiga bidang kritikal ini boleh menetapkan temu janji untuk mereka ditemu duga oleh Suruhanjaya.

Calon boleh menghadiri temu duga dengan Suruhanjaya di mana temu duga tersebut diadakan di Putrajaya pada hari Selasa setiap minggu. Mereka yang layak dan sesuai akan diberi surat tawaran pelantikan selepas mereka ditemu duga. Statistik urusan pelantikan bagi tiga bidang kritikal tersebut yang telah dibuat pada tahun 2009 dan tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 8**.

JADUAL 8

PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA TERBUKA BAGI TAHUN 2009 – 2010

TAHUN	JAWATAN			JUMLAH
	Pegawai Perubatan	Pegawai Pergigian	Pegawai Farmasi	
2009	1,115	38	185	1,338
2010	911	87	192	1,190

- **Pengambilan Berterusan atau Temu Duga Pelajar Tahun Akhir**

Pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, khususnya pelajar bidang perubatan, pergigian dan farmasi ditemu duga bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan. Pecahan urusan yang telah dijalankan menerusi kaedah ini seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9

PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN PENGAMBILAN BERTERUSAN BAGI TAHUN 2009– 2010

TAHUN	JAWATAN			JUMLAH
	Pegawai Perubatan	Pegawai Pergigian	Pegawai Farmasi	
2009	1,726	203	618	2,547
2010	1,802	201	661	2,664

JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON

Terdapat beberapa jawatan yang sukar diisi kerana kekurangan calon yang layak dalam bidang/ disiplin yang diperlukan. Jawatan tersebut adalah seperti di **Jadual 10**.

JADUAL 10
JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON BAGI TAHUN 2009 - 2010

BIL.	JAWATAN	2009			2010		
		Kosong	Diisi	Kekurangan	Kosong	Diisi	Kekurangan
1.	Pegawai Perubatan Gred UD41	4,033	2,144	1,889	4,122	2,713	1,409
2.	Pegawai Pergigian Gred U41	631	272	359	650	288	362
3.	Pegawai Farmasi Gred U41	1,123	626	497	1,200	853	347
4.	Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41	275	144	131	189	75	114
5.	Pembantu Laut Gred A17	5	2	3	234	158	76
6.	Jurubahasa Gred L17	47	-	47	74	73	1

PELANTIKAN BAKAT TERBAIK (BEST TALENT)

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, SPA juga telah melantik *best talent* ke dalam perkhidmatan awam. Pelantikan *best talent*, buat masa ini hanya ke jawatan lantikan yang melibatkan calon-calon yang memperolehi CGPA 3.50 ke atas daripada universiti dalam dan luar negara sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma. Pada tahun 2010 seramai 795 calon di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang yang memperolehi CGPA 3.50 ke atas telah dilantik oleh SPA ke pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam. Sementara itu bilangan calon berkelulusan Diploma yang berjaya dilantik pula adalah seramai 869 calon. Maklumat lanjut bilangan pelantikan *best talent* pada tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 11**.

JADUAL 11
BILANGAN PELANTIKAN 'BEST TALENT' BAGI TAHUN 2010

BIL	KELAYAKAN	TAWARAN LANTIKAN
1.	Ijazah Sarjana Muda (CGPA 3.5 ke atas)	795
2.	Diploma (CGPA 3.5 ke atas)	869
	JUMLAH	1,664

TEMU DUGA LUAR NEGARA

Bagi memastikan pelajar-pelajar Malaysia balik berkhidmat di negara ini selepas menamatkan pengajian khususnya pelajar-pelajar tajaan Kerajaan, SPA telah mengadakan sesi temu duga di luar negara. Pada tahun 2010, SPA telah mengadakan temu duga bagi pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di United Kingdom, Australia, New Zealand serta Rusia. Daripada 1,164 calon yang dipanggil temu duga, 1,006 calon telah menghadiri temu duga dan 920 calon telah diperakukan untuk dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Sebahagian besar calon merupakan graduan daripada universiti-universiti seperti *University of Manchester, University College London, Imperial College, University of Melbourne, Monash University, Australia National University, University of Auckland, Moscow Medical Academy* dan lain-lain. Maklumat lanjut bilangan calon yang ditemu duga dan dilantik mengikut negara bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 12**.

JADUAL 12
BILANGAN CALON YANG DITEMU DUGA DAN DILANTIK MENGIKUT NEGARA BAGI TAHUN 2010

BIL	NEGARA	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	CALON DIPERAKU
1.	United Kingdom / Ireland	333	298	260
	*Jawatan Kritikal	333	192	190
	**Pelbagai Jawatan	-	106	70
2.	Australia	314	229	191
	*Jawatan Kritikal	148	96	94
	**Pelbagai Jawatan	166	133	97
3.	New Zealand	79	79	75
	*Jawatan Kritikal	31	31	31
	**Pelbagai Jawatan	48	48	44
4.	Rusia	438	400	394
	**Pelbagai Jawatan	438	400	394
	JUMLAH	1,164	1,006	920

*Nota : * Jawatan Kritikal termasuklah jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41, Pegawai Farmasi Gred U41 dan Pegawai Pegigian Gred U41.*

*** Pelbagai jawatan adalah seperti jawatan Arkitek Gred J41, Jurutera (Mekanikal) Gred J41, Jurutera (Awam) Gred J41, Juruaudit Gred W41, Pegawai Penyelidik Gred Q41, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 dan Pegawai Sains Gred C41.*

PELANTIKAN SECARA MULTIPLE ENTRY

Pada tahun 2010, SPA telah melantik seramai 239 calon secara kontrak manakala seramai tujuh (7) calon telah dilantik secara tetap melalui kaedah *multiple entry*. SPA membuat pelantikan secara *multiple entry* berdasarkan permohonan-permohonan yang diterima daripada Kementerian/ Jabatan untuk mengisi kekosongan sedia ada. Kriteria pemilihan calon-calon tersebut adalah berdasarkan kelayakan, pengalaman dan keistimewaan yang dimiliki oleh calon setelah mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan. Maklumat lanjut bilangan pelantikan kontrak dan tetap mengikut skim, gred dan kewarganegaraan adalah seperti di **Jadual 13**.

JADUAL 13**BILANGAN PELANTIKAN KONTRAK SECARA MULTIPLE ENTRY MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2010**

BIL	SKIM	GRED	KEWARGANEGARAAN	TAWARAN LANTIKAN
1.	Pegawai Perubatan	UD47	Warganegara	29
2.	Pegawai Perubatan	UD47	Bukan Warganegara	72
3.	Pegawai Perubatan	UD51	Warganegara	17
4.	Pegawai Perubatan	UD51	Bukan Warganegara	33
5.	Pegawai Perubatan	UD53	Warganegara	23
6.	Pegawai Perubatan	UD53	Bukan Warganegara	32
7.	Pegawai Perubatan	KHAS/JUSA	Warganegara	26
8.	Pegawai Perubatan	KHAS/JUSA	Bukan Warganegara	7

PELANTIKAN CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Kerajaan telah menetapkan dasar pengambilan satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU. Bagi calon OKU, Suruhanjaya telah memberikan keistimewaan iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas mereka sebelum dipanggil temu duga dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah melantik seramai 132 calon OKU ke pelbagai skim perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 19 calon kumpulan Pengurusan & Profesional, 32 calon kumpulan Sokongan I dan 81 calon Kumpulan Sokongan II telah dilantik. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan calon OKU, ditemu duga dan dilantik bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 14**.

JADUAL 14
BILANGAN PERMOHONAN CALON OKU, DITEMU DUGA DAN DILANTIK BAGI TAHUN 2010

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PERMOHONAN	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	TAWARAN LANTIKAN
1.	Pengurusan & Profesional (Ijazah)	892	74	56	19
2.	Sokongan I (Diploma)	1,230	175	132	32
3.	Sokongan II (Sijil, SPM, PMR)	4,992	518	334	81
	JUMLAH	7,114	767	522	132


PELANTIKAN KAUM BUKAN MELAYU

Suruhanjaya telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Melayu untuk berkhidmat dengan sektor awam. Di antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya pada tahun 2010 adalah seperti berikut:


- (a) menubuhkan jawatan kuasa khas bagi menggalak representasi bukan Melayu dalam perkhidmatan awam yang terdiri daripada Ahli Suruhanjaya dan pegawai-pegawai Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- (b) menyiarkan iklan dalam akhbar berbahasa Cina dan Tamil (Sin Chew Daily dan Tamil Nesan);
- (c) menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam portal SPA;
- (d) mengadakan dialog dan promosi kerjaya di tempat yang strategik seperti di Dewan Perhimpunan Cina Selangor (Hua Zong), Kuala Lumpur;
- (e) menyiarkan *crawlers* mengenai urusan pengambilan jawatan di media elektronik semasa Berita Mandarin dan Berita Tamil disiarkan di televisyen serta hebahan di saluran radio Minnal fm dan Ai fm (RTM);
- (f) mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat; dan
- (g) mengenal pasti jawatan yang bilangannya besar dan berusaha untuk meningkatkan bilangan kaum bukan Melayu melalui publisiti yang lebih luas.

Jika dilihat kepada statistik permohonan, usaha untuk meningkatkan komposisi kaum bukan Melayu dalam perkhidmatan awam telah membuahkan hasil di mana jumlah permohonan jawatan telah meningkat. Pada tahun 2009 permohonan daripada kaum Melayu berjumlah 866,700 orang, permohonan daripada kaum Cina berjumlah 24,146 orang manakala permohonan daripada kaum India berjumlah 37,121 orang manakala pada tahun 2010 permohonan daripada kaum Melayu berjumlah 1,330,743 orang, permohonan daripada kaum Cina berjumlah 37,510 orang manakala permohonan daripada kaum India berjumlah 57,150 orang. Maklumat permohonan dan calon dilantik mengikut kaum adalah seperti **Carta 4 (a)** dan **Carta 4 (b)**.

CARTA 4 (a)
BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2009 – 2010



CARTA 4 (b)
BILANGAN CALON DILANTIK MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2009 – 2010



PEPERIKSAAN

Peperiksaan kendalian Suruhanjaya merupakan satu alat pengukuran tahap kebolehan dan kesesuaian calon untuk melalui penilaian seterusnya iaitu *Assessment Centre* atau temu duga. Peperiksaan dijalankan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya penyelesaian masalah dan kemahiran bahasa. Maklumat daripada peperiksaan ini digunakan sebagai peramal kepada potensi calon yang memohon sesuatu jawatan.

Pada tahun 2010, sebanyak 37 urusan peperiksaan telah dikendalikan oleh Suruhanjaya di mana seramai 257,626 orang calon layak menduduki peperiksaan. Jumlah calon layak menduduki peperiksaan adalah seperti di **Jadual 15**.

JADUAL 15
JUMLAH CALON LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN BERTULIS/ AMALI/ PEPERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA KENDALIAN SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2009 DAN 2010

BIL	PEPERIKSAAN BERTULIS / AMALI / PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TAHUN			
		2009		2010	
		KEKERAPAN	CALON LAYAK	KEKERAPAN	CALON LAYAK
1.	Ahli Fotografi Gred B27 – Bertulis	1	25	0	0
2.	Ahli Fotografi Gred B27 – Amali	1	135	0	0
3.	Ahli Fotografi Gred B17 – Bertulis	1	175	0	0
4.	Ahli Fotografi Gred B17 – Amali	1	1,965	1	2,539
5.	Latihan Separa Perubatan Gred U29	2	31,474	2	44,007
6.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	3	99,039	2	65,674
7.	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41- Bertulis	0	0	1	2,785
8.	Penolong Pegawai Kaw.Trafik Udara Gred A29-Bertulis	1	1,819	0	0
9.	Penolong Pegawai Kaw.Trafik Udara Gred A29 – Amali	1	589	0	0
10.	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 – Amali	1	420	0	0
11.	Jurubahasa Gred L17	0	0	2	1,171
12.	Penerbit Rancangan Gred B41 – Bertulis	0	0	1	473
13.	Penerbit Rancangan Gred B41 – Amali	0	0	1	1,126
14.	Penerbit Rancangan Gred B27 – Bertulis	1	552	1	505
15.	Penerbit Rancangan Gred B27 – Amali	1	1,253	1	1,169
16.	Penerbit Rancangan Gred B17 – Amali	0	0	1	705
17.	Pereka Gred B41- Bertulis dan Amali	0	0	1	1,289
18.	Pereka Gred B27- Bertulis dan Amali	1	944	1	314
19.	Pereka Gred B17- Bertulis dan Amali	0	0	1	2,469
20.	Artis Budaya Gred B17 – Amali	0	0	1	1,417
21.	13 Skim Perkhidmatan Gred 41	0	0	1	105,161
22.	Artis Budaya Gred B27 – Amali	1	2,389	0	0
23.	Akauntan Gred W41	1	3,361	0	0

BIL	PEPERIKSAAN BERTULIS / AMALI / PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TAHUN			
		2009		2010	
		KEKERAPAN	CALON LAYAK	KEKERAPAN	CALON LAYAK
24.	Akauntan Gred W41	1	3,361	0	0
25.	Pegawai Kebudayaan Gred B41 - Amali	1	444	0	0
26.	Pegawai Keselamatan Gred KP41	0	0	1	203
27.	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27	1	233	1	500
28.	Pembantu Keselamatan Gred KP17	1	6,472	0	0
29.	Pengawal Keselamatan Gred KP11 - SPA	1	49	0	0
30.	Pegawai Penguat kuasa Gred N41	1	253	1	35
31.	Penolong Pegawai Penguat kuasa Gred N27	1	323	3	1,655
32.	Pembantu Penguat kuasa Gred N17 (N.Sembilan)	0	0	1	318
33.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	2	17,220	0	0
34.	Leftenan Muda Maritim Gred X13	1	1,315	1	976
35.	Leftenan Maritim Gred X17	1	1,395	1	844
36.	Penguasa Bomba Gred KB41	0	0	1	787
37.	Penolong Penguasa Bomba Gred KB29	1	1,571	1	4,253
38.	Pegawai Bomba Gred KB17	1	8,812	0	0
39.	Penguasa Penjara Gred KX41	0	0	0	0
40.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	1	2,625	2	1,653
41.	Penolong Pegawai Pertahanan Awam Gred KP27	0	0	1	1,653
42.	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17	1	6,460	0	0
43.	Penolong Pegawai Kesatria Gred S27 - KSM	1	243	0	0
44.	Pembantu Kesatria Gred S17 - KBS	1	270	0	0
45.	Penolong Pegawai Siasatan Gred P29	1	5,973	0	0
46.	Penguasa Imigresen Gred KP41	0	0	1	1,456
47.	Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27	1	757	1	949
48.	Pegawai Imigresen Gred KP17	1	207	2	10,875
49.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27	0	0	1	635
	JUMLAH	37	198,885	37	257,626

 Peperiksaan Bertulis/Amali

 Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera

Sepanjang tahun 2010, seramai 127,873 orang calon telah hadir peperiksaan di mana hanya 39,031 orang calon lulus dan akan dipanggil menghadiri temu duga ataupun *Assessment Centre*. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 16** dan **Carta 5**.

JADUAL 16

URUSAN PEPERIKSAAN BERTULIS/ AMALI/ PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA BAGI TAHUN 2010

BIL	PEPERIKSAAN BERTULIS/ AMALI/ PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TARIKH	JUMLAH CALON		
			LAYAK	HADIR	LULUS
1.	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41- Bertulis	12.1.2010	2,785	1,237	841
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	10.4.2010	42,711	21,903	3,933
3.	13 Skim Perkhidmatan Gred 41	10.4.2010	105,161	54,011	14,777
4.	Pereka Gred B41	27.4.2010	1,289	742	82
5.	Pereka Gred B27	28.4.2010	314	184	6
6.	Pereka Gred B17	12.5.2010	2,469	1,282	75
7.	Artis Budaya Gred B17	5-7.5.2010	1,417	563	142
8.	Penerbit Rancangan B41 (Amali)	17-21.5.2010	1,126	713	473
9.	Penerbit Rancangan B27 (Amali)	7-11.6.2010	1,169	796	505
10.	Jurubahasa Gred L17 (B.I) Di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka	10-14.5.2010	123	52	8
11.	Jurubahasa Gred L17 (Dialek Cina, Tamil, Murut, Bugis dan Suluk)	14-18.6.2010	1,048	354	134
12.	Latihan Separa Perubatan	18.4-7.5.2010	24,036	12,746	6,752
13.	Penerbit Rancangan B41 (Bertulis)	10.8.2010	473	432	264
14.	Penerbit Rancangan B27 (Bertulis)	9.8.2010	505	468	319
15.	Ahli Fotografi Gred B17 – Amali	26.7.2010-10.8.2010	2,539	896	269
16.	Penerbit Rancangan B17 (Amali)	3-5.8.2010	705	364	203
17.	Latihan Separa Perubatan	10.10.2010 – 29.10.2010	19,971	6,759	2,189
18.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	13.11.2010	22,963	9,244	1,435

BIL	PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI//PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TARIKH	JUMLAH CALON		
			LAYAK	HADIR	LULUS
19.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	23-25.3.2010	847	515	216
20.	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	5 & 9.3.2010	16	13	13
21.	Pegawai Imigresen Gred KP17	8.12.2009-22.1.2010	2,936	1,418	560
22.	Penolong Pegawai Penguatkuasa N27 (KDN)	5-6.4.2010	382	208	82
23.	Pegawai penguatkuasa Gred N41	29.3.2010	35	18	8
24.	Leftenan Muda Maritim Gred X13	12-15.4.2010	976	492	131
25.	Leftenan Maritim Gred X17	12-15.4.2010	844	329	101
26.	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	19-22.2010	1,257	738	468
27.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17 (N. Sembilan)	3-14.5.2010	318	161	73
28.	Pegawai Keselamatan Gred KP41	12-14.2010	203	111	55
29.	Penolong Pegawai Keselamatan Gred N27	12-19.5.2010	500	267	144
30.	Penolong Pegawai Pertahanan Awam Gred KP27	10-14.5.2010	1,683	683	252
31.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27	17-21.5.2010	635	350	246
32.	Penguasa imigresen KP41	23-30.8.2010	1,456	1037	290
33.	Penolong Penguasa Bomba KB29	27.9.2010-13.10.2010	4,253	2,550	1,440
34.	Penolong Penguasa Imigresen KP27	1-3.9.2010 - 23.9.2010	949	654	378
35.	Penguasa Bomba B41	2.10.2010 – 28.11.2010	787	421	103
36.	Penolong Penguasa Penjara KX27	25-28.10.2010	806	515	235
37.	Pegawai Imigresen Gred KP17	31.10.2010 – 9.11.2010	7,939	4,647	1,829
JUMLAH			257,626	127,873	39,031




Peperiksaan Bertulis/Amali



Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera

CARTA 5
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL PEPERIKSAAN, CALON HADIR PEPERIKSAAN DAN CALON LULUS PEPERIKSAAN BAGI TAHUN 2010



AKTIVITI-AKTIVITI PEPERIKSAAN BERTULIS



Calon sedang menduduki peperiksaan bertulis bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)



Calon sedang menduduki peperiksaan bertulis bagi jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam

AKTIVITI-AKTIVITI DALAM PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA



Pengecaman Warna (Dilaksanakan bagi skim jawatan tertentu seperti Bomba, Pertahanan Awam, Imigresen, Kastam dan sebagainya)



Pemeriksaan Dada



Ujian Kecergasan (Mengangkat Berat) bagi calon jawatan Pegawai Pertahanan Awam



Ujian Kecergasan (Menaiki Tangga) bagi calon jawatan Penguasa Bomba

PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (ASSESSMENT CENTRE)

Pusat Penilaian Kompetensi (Assessment Centre) merupakan satu kaedah penapisan selepas calon lulus peperiksaan bagi menentukan kesesuaian calon dalam sesuatu jawatan itu. Ia mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude Skill Knowledge* (ASK) dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, kerjasama kumpulan, penampilan, kematangan idea, keyakinan diri, potensi kepimpinan dan lain-lain lagi. Pada tahun 2010, sebanyak 16 jawatan dengan 25,286 calon telah disyaratkan untuk menghadiri program tersebut sebelum mereka layak dipanggil temu duga. Maklumat terperinci mengenai urusan Pusat Penilaian Kompetensi bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 17**.

JADUAL 17
URUSAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (ASSESSMENT CENTRE) BAGI TAHUN 2010

Bil	Jawatan	Nama Program	Bil. Assessment Centre	Jumlah Calon		
				Layak	Hadir	Lulus
1.	Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41	Pusat Penilaian Pertahanan Awam (PPPA)	1/2010	374	110	56
2.	Penguasa Penjara Gred KX41	Pusat Penilaian Jabatan Penjara Malaysia (PPPM)	1/2010	1,658	452	104
3.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	PTD Assessment Centre	1/2010	3,938	3,136	1,054
4.	Penguasa Bomba Gred KB41	Pusat Penilaian Individu Bomba (PPIB)	2/2010	787	421	103
5.	Penerbit Rancangan Gred B41	Pusat Penilaian Penerbit Rancangan (PPPR)	1/2010	1,126	713	473
6.	Penerbit Rancangan Gred B27	Pusat Penilaian Penerbit Rancangan (PPPR)	1/2010	1,169	796	505
7.	Penerbit Rancangan Gred B17	Pusat Penilaian Penerbit Rancangan (PPPR)	1/2010	705	364	203
8.	Pereka Gred B41	Pusat Penilaian Pereka (PPP)	1/2010	1,289	742	82
9.	Pereka Gred B27	Pusat Penilaian Pereka (PPP)	1/2010	314	184	6
10.	Pereka Gred B17	Pusat Penilaian Pereka (PPP)	1/2010	2,469	1,282	75
11.	Ahli Fotografi Gred B17	Pusat Penilaian Ahli Fotografi (PPAF)	1/2010	2,539	896	269
12.	Artis Budaya Gred B17	Pusat Penilaian Artis Budaya (PPAB)	1/2010	1,417	563	142
13.	Penolong Penguasa Bomba Gred KB29	Pusat Penilaian Individu Bomba (PPIB)	1/2010	4,253	2,550	1,440
14.	Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27	Pusat Penilaian Imigresen (PPI)	1/2010	949	645	378
15.	Leftenan Maritim Gred X17	Assessment Centre for Maritim (ACM)	1/2010	844	329	101
16.	Penguasa Imigresen Gred KP41	Pusat Penilaian Penguasa Imigresen	1/2010	1,455	1,037	290
Jumlah				25,286	14,220	5,281

AKTIVITI-AKTIVITI PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (ASSESSMENT CENTRE)



Penyelesaian Masalah



Kerjasama Kumpulan



Pengucapan Awam



丹斯里謝富年
TAN SRI DR. JEFFREY... HALL



07

**URUSAN
PERKHIDMATAN**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- pengesahan pelantikan;
- pengesahan dalam perkhidmatan;
- pelanjutan tempoh percubaan;
- pemberian taraf berpencen;
- kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu;
- pembatalan tawaran pelantikan;
- penamatan perkhidmatan;
- pertukaran perkhidmatan; dan
- penetapan gaji permulaan.

Jumlah keseluruhan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya pada tahun 2010 adalah sebanyak 141,970 urusan.

• Pengesahan Pelantikan

Pengesahan pelantikan adalah satu proses untuk mengesahkan pelantikan calon yang menerima sesuatu tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan. Maklumat Pengesahan Pelantikan adalah seperti **Jadual 18**.

JADUAL 18
PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

PERKHIDMATAN	2009			2010		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	8,731	32,368	41,099	11,247	27,452	38,699
Jumlah Keseluruhan	8,731	32,368	41,099	11,247	27,452	38,699

- **Pengesahan Dalam Perkhidmatan**

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan mendapat sokongan Ketua Jabatan, layak disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 27(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk 38,476 orang pegawai pada tahun 2010 berbanding 30,712 orang pegawai pada tahun 2009, dengan penambahan sebanyak 7,764 orang. Pecahan urusan pengesahan dalam perkhidmatan bagi tahun 2009 dan tahun 2010 adalah seperti **Jadual 19**.

JADUAL 19
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

PERKHIDMATAN	2009			2010		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	6,955	23,534	30,489	7,411	30,417	37,828
Perkhidmatan Awam Negeri:						
(i) Melaka	8	47	55	61	105	166
(ii) Pulau Pinang	10	80	90	47	137	184
(iii) Negeri Sembilan	12	66	78	48	189	237
(iv) Perlis	-	-	0	8	53	61
Jumlah	30	193	223	164	484	648
Jumlah Keseluruhan	6,985	23,727	30,712	7,575	30,901	38,476

- **Pelanjutan Tempoh Percubaan**

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan atau tidak mendapat perakuan sokongan daripada Ketua Jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaan sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 28(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2010, seramai 1,299 orang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya telah diberi lanjutan tempoh percubaan berbanding 1,270 orang pegawai pada tahun 2009. Maklumat lanjutan tempoh percubaan adalah seperti **Jadual 20**.

JADUAL 20
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

PERKHIDMATAN	2009			2010		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	222	1,048	1,270	168	1,142	1,292
Perkhidmatan Awam Negeri:						
(i) Melaka	-	-	-	-	2	2
(ii) Pulau Pinang	-	-	-	-	1	1
(iii) Negeri Sembilan	-	-	-	-	4	4
(iv) Perlis	-	-	-	-	0	0
Jumlah	-	-	-	-	7	7
Jumlah Keseluruhan	222	1,048	1,270	168	1,131	1,299

- **Pemberian Taraf Berpencen**

Seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak bersetuju memilih opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 36(1) dan (2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 25,271 orang pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis berbanding 24,924 orang pegawai pada tahun 2009. Pecahan urusan pemberian taraf berpencen bagi tahun 2009 dan tahun 2010 adalah seperti **Jadual 21**. Urusan pemberian taraf berpencen kepada pegawai Kumpulan Sokongan seperti di Jadual adalah melibatkan Kumpulan Sokongan I sahaja. Bagi Kumpulan Sokongan II, urusan pemberian taraf berpencen adalah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan di bawah kuasa yang diwakilkan oleh Suruhanjaya dan tidak ditunjukkan di Jadual.

JADUAL 21
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN BAGI TAHUN 2009 – 2010

PERKHIDMATAN	2009			2010		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	5,501	19,262	24,763	3,806	21,079	24,885
Perkhidmatan Awam Negeri:						
(i) Melaka	-	47	47	10	97	107
(ii) Pulau Pinang	-	59	59	22	90	112
(iii) Negeri Sembilan	-	55	55	57	98	155
(iv) Perlis	-	-	-	3	9	12
Jumlah	-	161	161	92	294	386
Jumlah Keseluruhan	5,501	19,423	24,924	3,898	21,373	25,271

- **Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu**

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain dengan syarat ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan dan persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan diperolehi. Pada tahun 2010 terdapat 10 pegawai telah dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulu, berbanding dengan 25 pegawai pada tahun 2009.

- **Pembatalan Tawaran Pelantikan**

Seseorang calon yang gagal memenuhi syarat tawaran pelantikan, iaitu sama ada disebabkan oleh keadaan kesihatan yang tidak memuaskan atau membuat akuan berkanun palsu boleh dibatalkan tawaran pelantikannya mengikut Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Pada tahun 2010, 28 orang pegawai telah dibatalkan tawaran pelantikan oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 19.

- **Notis Penamatan Perkhidmatan**

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah Peraturan 46 atau 47, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab, mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah mengeluarkan 189 notis penamatan kepada pegawai bagi memberi peluang pegawai mengemukakan sebab mengapa perkhidmatan mereka tidak boleh ditamatkan berbanding 159 notis pada tahun 2009.

- **Penamatan Perkhidmatan**

Pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam mestilah sihat dan tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan berkanun palsu, menandatangani Surat Aku Janji, tidak memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya dan lulus tapisan keselamatan, jika disyaratkan. Pegawai yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 46, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Bagi pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan mereka kerana gagal memenuhi syarat pengesahan yang ditetapkan, juga boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 47(1), Peraturan-peraturan yang sama.

Suruhanjaya telah menamatkan perkhidmatan 129 orang pegawai pada tahun 2010 berbanding 115 orang pegawai pada tahun 2009. Maklumat adalah seperti **Jadual 22**.

JADUAL 22
KES PENAMATAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	SEBAB PENAMATAN PERKHIDMATAN	2009			2010		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1.	Tidak lulus peperiksaan	3	59	62	8	40	48
2.	Tidak mendapat sokongan perakuan daripada Ketua Jabatan	1	49	50	5	71	76
3.	Membuat akuan palsu	0	3	3	0	3	3
4.	Sembunyi maklumat kesihatan/ peribadi	-	-	-	0	2	2
5.	Memalsukan dokumen	-	-	-	-	-	-
6.	Gagal Tapisan Keselamatan	-	-	-	-	-	-
	JUMLAH	4	111	115	13	116	129

- **Pertukaran**

Pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya melibatkan:

- 1) pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya;
- 2) pertukaran seseorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain dan pegawai badan berkanun ke Perkhidmatan Awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya; dan
- 3) pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2007, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 melalui kaedah berikut:

- 1) pertukaran perkhidmatan;
- 2) pertukaran pelantikan;
- 3) pelantikan secara pertukaran sementara;
- 4) pelantikan secara peminjaman;
- 5) pelantikan secara pertukaran tetap perkhidmatan; dan
- 6) pelepasan dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

• **Pertukaran Perkhidmatan**

Pertukaran seseorang pegawai ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama dan berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama di bawah Ketua Perkhidmatan yang berlainan dengan persetujuan Ketua Jabatan asal pegawai dan Ketua Jabatan agensi penerima. Alasan yang boleh dijadikan asas pertimbangan Suruhanjaya dalam meluluskan pertukaran perkhidmatan seseorang pegawai adalah seperti berikut :

- 1) faktor perikemanusiaan seperti mengikuti suami atau isteri; menjaga ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur; atau sebab kesihatan; atau
- 2) arahan Kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas di agensi awam yang tidak membolehkan beliau ditempatkan secara pertukaran biasa; atau
- 3) perkhidmatan, kemahiran, kepakaran atau pengalaman pegawai sangat diperlukan oleh agensi penerima; dan
- 4) tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai sedia ada di agensi penerima jika pertukaran pelantikan melibatkan jawatan kenaikan pangkat.

Kelulusan pertukaran perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005. Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 10,749 pertukaran perkhidmatan berbanding dengan 718 pertukaran pada tahun 2009. Maklumat pertukaran perkhidmatan adalah seperti **Jadual 23**.

JADUAL 23
PERTUKARAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	PERKHIDMATAN	2009	2010
1.	Dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan		
	(i) Pertukaran Perkhidmatan atas Permohonan Pegawai	681	164
	(ii) Pertukaran Perkhidmatan atas Polisi Kerajaan	-	10,519
2.	Dari Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	37	66
	JUMLAH	718	10,749

- **Pertukaran Pelantikan Atas Permohonan Sendiri**

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarat-syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan.

Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002. Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 166 pertukaran pelantikan berbanding dengan 182 pertukaran pelantikan pada tahun 2009.

- **Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen**

Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bermaksud perpindahan seseorang pegawai dari satu skim perkhidmatan yang sama atau berlainan yang timbul akibat pembubaran atau pemansuhan jawatan yang perlu dibuat melalui opsyen. Pegawai yang menolak tawaran pertukaran pelantikan hendaklah dibersarakan di bawah Seksyen 10(5) (b) atau 10(5)(c) Akta Pencen 1980 (bagi pegawai berpencen) atau ditamatkan perkhidmatan (bagi pegawai tidak berpencen).

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen kepada 23,126 orang pegawai berbanding 21,803 orang pegawai pada tahun 2009. Bilangan pegawai yang terlibat dalam pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen adalah bergantung kepada pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa. Maklumat pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti **Jadual 24**.

JADUAL 24
PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	JENIS PERTUKARAN	2009	2010
1.	Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	21,803	23,126
	JUMLAH	21,803	23,126

- **Pelantikan Secara Pertukaran Sementara**

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke perkhidmatan yang lain di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah pihak berkuasa melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan terdahulunya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 680 pelantikan secara pertukaran sementara pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi mengisi jawatan di Kementerian / Jabatan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya, berbanding 516 pertukaran pada tahun 2009.

- **Pemendekan Pertukaran Sementara**

Pemendekan pertukaran sementara adalah proses memendekkan tempoh kelulusan pertukaran sementara pegawai. Pemendekan pertukaran sementara ini dilaksanakan sama ada atas permohonan pegawai atau atas perakuan Ketua Jabatan berdasarkan sebab-sebab tertentu seperti kenaikan pangkat pegawai di jawatan hakiki yang lebih tinggi daripada pangkat jawatan pertukaran sementara, dan sebagainya. Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 190 pemendekan pertukaran sementara berbanding dengan 102 pada tahun 2009.

- **Pelarasan Gaji Pertukaran Sementara**

Pelarasan gaji pertukaran sementara adalah proses menyelaraskan gaji pegawai yang dilantik secara pertukaran sementara berikutan kenaikan gaji di jawatan hakiki pegawai selepas tarikh kelulusan pertukaran sementara.

Urusan pelarasan gaji pertukaran sementara ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008. Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 58 pelarasan gaji pertukaran sementara berbanding dengan 88 penyelarasan gaji pada tahun 2009.

- **Pelantikan Secara Peminjaman**

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan seseorang pegawai perkhidmatan di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ke perkhidmatan di bawah perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia. Suruhanjaya telah meluluskan 104 pelantikan secara peminjaman pada tahun 2010 berbanding dengan 84 pada tahun 2009.

- **Pertukaran Tetap Perkhidmatan**

Pertukaran tetap perkhidmatan ialah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 13 pertukaran tetap perkhidmatan pegawai.

Maklumat mengenai pelantikan secara pertukaran sementara, pemendekan pertukaran sementara, pelarasan gaji pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap perkhidmatan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti **Jadual 25**.

JADUAL 25
PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA, PEMENDEKAN PERTUKARAN SEMENTARA,
PELARASAN GAJI PERTUKARAN SEMENTARA,
PEMINJAMAN, PERTUKARAN TETAP PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	2009	2010
1.	Pelantikan Secara Pertukaran Sementara	516	680
2.	Pemendekan Pertukaran Sementara	102	190
3.	Pelarasan Gaji Pertukaran Sementara	88	58
4.	Pelantikan Secara Peminjaman	84	104
5.	Pertukaran Tetap Perkhidmatan		
	(i) Pelantikan Secara Pertukaran Sementara ke Perkhidmatan Tetap	12	10
	(ii) Pelantikan Secara Peminjaman ke Perkhidmatan Tetap	7	3
	JUMLAH KESELURUHAN	809	1,045

- **Pelepasan Untuk Peminjaman Dan Pertukaran Pelantikan**

Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus.

Pelepasan untuk pertukaran pelantikan bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk bertukar pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah lain yang ditetapkan.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 138 permohonan di mana 133 adalah pelepasan untuk peminjaman dan lima melibatkan pelepasan untuk pertukaran pelantikan berbanding dengan tahun 2009, Suruhanjaya telah meluluskan 94 permohonan, iaitu 89 permohonan bagi pelepasan untuk peminjaman dan lima pelepasan untuk pertukaran pelantikan. Maklumat pelepasan untuk peminjaman dan pertukaran pelantikan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti **Jadual 26**.

JADUAL 26
PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	URUSAN	2009	2010
1.	Pelepasan untuk peminjaman	89	133
2.	Pelepasan untuk pertukaran pelantikan	5	5
	JUMLAH	94	138

- **Penetapan Gaji Permulaan**

Penetapan gaji permulaan seseorang pegawai dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan berikut:

- seseorang pegawai yang dilantik bagi kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan dibayar gaji permulaan dalam tangga gaji jawatan skim perkhidmatan yang dimasukinya;
- pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu hendaklah pada suatu mata gaji yang lebih tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 23(5), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005; dan
- pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan itu seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 23(2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 2,645 urusan penetapan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak 1,527 di bawah Peraturan 23(2) iaitu berdasarkan pengalaman relevan dan sebanyak 1,118 di bawah Peraturan 23(5), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Maklumat penetapan gaji permulaan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti **Jadual 27**.

JADUAL 27
PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	URUSAN	2009	2010
1.	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut Peraturan 23(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.	1,273	1,118
2.	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta mengikut Peraturan 23(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.	1,116	1,527
	JUMLAH	2,389	2,645



108

**URUSAN KENAIKAN
PANGKAT DAN
TATATERTIB**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

KENAIKAN PANGKAT

Sepanjang tahun 2010, Suruhanjaya telah menjalankan lima (5) urusan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu seperti di **Jadual 28**.

JADUAL 28
URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI TAHUN 2009- 2010

BIL.	URUSAN	2009 (BIL. PEGAWAI)	2010 (BIL. PEGAWAI)
1.	Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu bagi jawatan Jururawat Gred U29/U36 ke Gred U42 di Kementerian Pertahanan	-	205
2.	Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu bagi Letenan Muda Maritim Gred X16 ke Gred X18	-	-
3.	Kenaikan Pangkat Penolong Pegawai Perubatan Gred U29/U32/U36 ke Gred U42	-	76
4.	Pemangkuan Jururawat Kesihatan Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	-	-
5.	Kenaikan Pangkat Juru X-Ray Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	-	34
6.	Kenaikan Pangkat Penguasa Imigresen Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	-	28
7.	Pemangkuan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	-	39
8.	Pemangkuan Pegawai Kebudayaan Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	-	-
JUMLAH		-	382

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Sepanjang tahun 2010, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan telah menimbang 31 kes yang melibatkan 67 orang pegawai berdasarkan kepada dua urusan iaitu merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (27 kes / 60 orang pegawai) dan merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (4 kes / 7 orang pegawai).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan 55 orang pegawai yang merayu bagi membelakangkan tarikh kenaikan pangkat dan rayuan 7 orang pegawai yang merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan telah ditolak. Hanya rayuan daripada 5 orang pegawai yang merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkatnya telah diterima.

Berbanding pada tahun 2009, Suruhanjaya telah menimbangkan 21 kes yang melibatkan 57 orang pegawai merujuk kepada dua urusan iaitu merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (12 kes / 41 orang pegawai) dan merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (9 kes / 16 orang pegawai).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan 11 orang pegawai yang merayu bagi membelakangkan tarikh kenaikan pangkat dan rayuan 15 orang pegawai yang merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan telah ditolak. Hanya rayuan daripada 10 orang pegawai yang merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkatnya telah diterima. Manakala yang selebihnya, rayuan seramai 20 orang pegawai yang telah merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkatnya telah diremit. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 29**.

JADUAL 29
URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT/PEMANGKUAN BAGI TAHUN 2009 – 2010

TAHUN 2009							TAHUN 2010				
BIL.	URUSAN	BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN			BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		
				Terima	Tolak	Remit			Terima	Tolak	Remit
1.	Merayu kerana gagal dinaikkan pangkat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2.	Merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat	12	41	10	11	20	27	60	5	55	-
3.	Merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan	9	16	1	15	-	4	7	-	7	-
JUMLAH BESAR		21	57	11	26	20	31	67	5	62	-

KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Sepanjang tahun 2010 Suruhanjaya telah memutuskan 42 kes tindakan tatatertib berbanding dengan 8 kes pada tahun 2009. Maklumat lanjut kes tindakan tatatertib adalah seperti **Jadual 30**.

JADUAL 30
KES TINDAKAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2009 - 2010

BIL.	JENIS KESALAHAN	2009	2010
1.	Tidak hadir bertugas	3	22
2.	Sabitkan Mahkamah	4	4
3.	Tatakelakuan	1	16
JUMLAH		8	42

- **Tahan Kerja**

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah menahan kerja 13 orang pegawai yang sedang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah berbanding 8 orang pegawai pada tahun 2009. Maklumat lanjut kes tahan kerja adalah seperti **Jadual 31**.

JADUAL 31
PEGAWAI YANG DIKENAKAN TAHAN KERJA / PENAMATAN TAHAN KERJA
BAGI TAHUN 2009-2010

BIL.	JENIS KESALAHAN	2009	2010
1.	Akta Pencegahan Rasuah 1997/ Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009	8	13
2.	Jenayah (Kanun Keseksaan/ Akta Pengangkutan Jalan 1987)	-	-
3.	Kesalahan Jenayah oleh Mahkamah Syariah	-	-
JUMLAH		8	13

- **Gantung Kerja**

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah menggantung kerja lima (5) orang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah atas kesalahan rasuah berbanding tiga (3) orang pegawai pada tahun 2009, manakala kesalahan syariah telah mencatatkan sebanyak 2 kes. Maklumat lanjut seperti **Jadual 32**.

JADUAL 32
PEGAWAI YANG DIKENAKAN GANTUNG KERJA / PENAMATAN GANTUNG KERJA
BAGI TAHUN 2009 – 2010

BIL.	JENIS KESALAHAN	2009	2010
1.	Akta Pencegahan Rasuah 1997/ Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009	3	5
2.	Kesalahan Jenayah oleh Mahkamah Syariah	-	2
3.	Akta Dadah Merbahaya 1952	-	-
JUMLAH		3	7

LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- rayuan daripada semua kumpulan pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dan Perlis, yang dikenakan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan atau pentadbiran negeri yang berkenaan; dan
- rayuan daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang telah dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat serta rayuan daripada pegawai Kumpulan Sokongan II dalam perkhidmatan awam tersebut, yang telah dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Lembaga Tatatertib di pentadbiran negeri berkenaan.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah memutuskan 311 kes rayuan tatatertib berbanding 128 kes pada tahun 2009. Maklumat lanjut kes rayuan tatatertib adalah seperti **Jadual 33**.

JADUAL 33
KES RAYUAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2009-2010

TAHUN	KES PEGAWAI DIBEBASKAN	KES DIRINGKANKAN HUKUMAN	KES DITOLAK	KES REMIT	JUMLAH KES
2009	4	3	120	1	128
2010	28	3	253	27	311



TEMU BACA
HIDMATAN AWAM MAWAZIN
BAHRU, JOHOR

Disukanan Oleh
Maludin Bin Hsj/Ketua Lembaga
Pengarah
11 OAKTREE 2018

09

**AKTIVITI - AKTIVITI
SURUHANJAYA**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

LAWATAN KERJA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI KE SPA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon telah membuat lawatan rasmi ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia pada 18 Mei 2010. Ketibaan beliau di sambut oleh Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri. Sesi taklimat mengenai SPA, telah disampaikan oleh Setiausaha, YBhg. Dato' Lamien Sawiyo di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya. Ini adalah merupakan lawatan pertama YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon ke SPA sejak dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mendengar taklimat yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo

YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon bersama YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri dan pegawai-pegawai kanan SPA



Mesyuarat Suruhanjaya

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah mengadakan 45 kali mesyuarat. Sebanyak 2,049 Kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 45 Kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat. Mesyuarat Khas Suruhanjaya pula telah diadakan sebanyak dua kali dengan 13 kertas pertimbangan.

Mesyuarat Khas Suruhanjaya ini bertujuan membincangkan perkara dasar dan cadangan penambahbaikan urusan Suruhanjaya seperti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib. Mesyuarat ini telah diadakan di Tower Regency, Ipoh pada 26 April 2010 dan Holiday Villa, Alor Setar pada 20 November 2010.

Mesyuarat Lembaga Rayuan

Suruhanjaya sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah mengadakan 41 kali mesyuarat dan telah berjaya menimbang 362 kertas perakuan. Sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pula, 29 kali mesyuarat telah diadakan dan telah menimbang 35 kertas perakuan.

Lawatan Kerja ke Kementerian/Jabatan

Dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan Ahli Suruhanjaya mengenai fungsi dan peranan agensi awam yang lain, Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam pada 20 Mac 2010. Lawatan ke ADTEC tersebut bertujuan untuk mendedahkan Ahli Suruhanjaya tentang proses kerja di jabatan berkenaan di samping mendengar taklimat mengenai perjawatan dan pengisian kekosongan selain menjalinkan hubungan baik bersama jabatan tersebut.

Selain daripada itu, Suruhanjaya juga telah mengadakan lawatan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Singapura pada 2 Ogos 2010. Lawatan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Singapura bertujuan mewujudkan jaringan kerja antara kedua-dua organisasi serta bertukar-tukar pandangan mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya di kedua-dua buah negara.



Lawatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Singapura pada 2 Ogos 2010

Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Persidangan ke-13 ini merupakan anjuran bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Persidangan ini telah diadakan di Persada Johor dan The Puteri Pacific, Johor Bahru pada 12 hingga 15 Oktober 2010 bertemakan **“Transformasi Perkhidmatan Awam Memacu Kecemerlangan”**. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Ahmad Zahri Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Perancangan Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Johor bagi mewakili YAB Menteri Besar Johor. Seramai 173 orang peserta telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri-Negeri, Suruhanjaya Pasukan Polis serta SUK Negeri Melaka, SUK Negeri Perlis, SUK Negeri Pulau Pinang dan SUK Negeri Sembilan.

Objektif persidangan adalah seperti berikut:

- Membolehkan peserta mendapat pengetahuan dan pengalaman dalam pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan; dan
- Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai isu yang berkaitan dengan urusan pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib dalam perkhidmatan awam.

Sebanyak sepuluh kertas kerja telah dibentangkan dalam enam (6) sesi di persidangan tersebut seperti berikut:

- **Sesi 1: “Program Transformasi Kerajaan”**

Sesi ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Haji Kusaini bin Haji Hasbullah, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan satu (1) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

“Program Transformasi Kerajaan: Membanteras Rasuah”

Oleh : YBhg. Dato’ Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed,
Ketua Pesuruhjaya,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

- **Sesi 2: “ICT Pemangkin Transformasi”**

Sesi ini dipengerusikan oleh YB Dato’ Haji Mohd. Rashidi bin Mohd. Noor, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan satu (1) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

“Transformasi Urusan Pengambilan Dan Perkhidmatan Melalui ICT Di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam”

Oleh : YBhg. Dato’ Lamien bin Sawiyo,
Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

• **Sesi 3: “Modal Insan Pemacu Transformasi”**

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Haji Ismail bin Md Noor, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dan dua kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

(i) Kertas 1: **“Tata Cara Pengambilan Dan Pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan”**

Oleh : YBhg. Dato’ Wan Khazanah binti Ismail,
Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

(ii) Kertas 2: **“Program Transformasi Kerajaan: Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar”**

Oleh : YBhg. Dato’ Hj. Noor Rezan binti Bapoo Hashim,
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran,
Sektor Operasi Pendidikan,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

• **Sesi 4: “Pengiktirafan Kelayakan Dan Kemasukan Ke Perkhidmatan Awam”**

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Datu Hamzah bin Haji Drahman, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

(i) Kertas 1: **“Hala Tuju Program Pengajian Tinggi Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta”**

Oleh : YBhg. Tan Sri Dr. Zulkefli bin A. Hassan,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengajian Tinggi.

(ii) Kertas 2: **“Dasar Dan Kriteria Pengiktirafan Dalam Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam”**

Oleh : YBhg. Dato’ Mohd Tajuddin bin Don,
Pengarah,
Bahagian Pembangunan Modal Insan,
Jabatan Perkhidmatan Awam.

(iii) Kertas 3: **“Dasar Dan Kriteria Pengiktirafan Ijazah Kejuruteraan”**

Oleh : YBhg. Datuk Dr. Ir. Abdul Rahim Haji Hashim,
Pengerusi Majlis Akreditasi Kejuruteraan,
Lembaga Jurutera Malaysia.

• **Sesi 5: "Pengambilan Berasaskan Kompetensi"**

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Kamarudzaman bin Mahmud, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak dan dua (2) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

(i) Kertas 1: **"Urusan Pengambilan Dan Pelantikan Pegawai Dan Anggota Polis"**

Oleh : YBhg. Dato' Jamshah bin Mustapa,
Senior Assistant Commissioner,
Polis Diraja Malaysia.

(ii) Kertas 2: **"Urusan Pengambilan Pegawai Dan Anggota Angkatan Tentera"**

Oleh : Mejar Jeneral Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim,
Asisten Ketua Staff,
Bahagian Perkhidmatan Anggota,
Angkatan Tentera Malaysia.

• **Sesi 6: "Kawalan Tatatertib"**

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan satu kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

"Recent Developments In Disciplinary Cases"

Oleh : YBhg. Datin Hajah Azizah binti Haji Nawawi,
Ketua Bahagian Guaman,
Jabatan Peguam Negara.



YB Tuan Haji Ahmad Zahri Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Perancangan Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Johor mewakili YAB Menteri Besar Johor menyampaikan ucapan dan merasmikan Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-13 pada 12 Oktober 2010.



Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri ketika menyampaikan ucapan aluan sempena Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-13

Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri-Negeri bergambar kenangan bersama YB Tuan Haji Ahmad Zahri Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Perancangan Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Johor



PELANCARAN KAEDAH PENGAMBILAN SECARA PROFILING (MYRECRUITMENT) OLEH YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Kaedah pengambilan secara profiling (**MyRecruitment**) merupakan transformasi kaedah pengambilan yang dilaksanakan oleh SPA. **MyRecruitment** bertujuan untuk mengesan calon yang mempunyai profil yang sesuai dari aspek personaliti, minat, sikap, kecerdasan dan kemahiran. Padanan antara keperibadian dan tugas serta jenis pekerjaan adalah penting bagi menjamin kepuasan dalam menjalankan tugas, meningkatkan motivasi kerja dan pencapaian produktiviti yang tinggi. **MyRecruitment ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 11 Januari 2010.**

Pelaksanaan *MyRecruitment*

Melalui pelaksanaan **MyRecruitment**, calon perlu melalui empat (4) proses saringan sebelum ditawarkan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga seperti di **Rajah A**. Proses saringan dalam **MyRecruitment** dibuat secara berstruktur seperti berikut:

(i) Tapisan Awal

Calon yang mendaftar secara online dengan SPA akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon;

(ii) Peperiksaan

Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya menyelesaikan masalah dan kemahiran bahasa. Selain peperiksaan ini, ujian sahsiah dan minat juga diadakan;

(iii) Penilaian Kompetensi (Competency Assessment)

Calon yang berjaya melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi ini. Sesi ini bertujuan mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude-Skill-Knowledge (ASK)* dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, teamwork dan lain-lain; dan

(iv) Temu duga

Sesi ini bertujuan menilai kesesuaian dan perwatakan calon dengan keperluan sesuatu jawatan di agensi tertentu. Sesi ini akan menentu sahkan penilaian yang dibuat di peringkat sesi penilaian kompetensi.

Pelaksanaan **MyRecruitment** membolehkan proses pemprofilan calon dimulakan dengan calon mendaftar dalam Sistem Mengambil Sepanjang Masa (e-SMSM) dan disenarai pendek mengikut syarat asas dalam sesuatu skim perkhidmatan. Setelah melepasi penyenaian pendek tersebut, calon dikehendaki melalui peperiksaan, sesi penilaian kompetensi dan temu duga. Melalui kaedah peperiksaan dan penilaian kompetensi ini, calon-calon yang ideal dari segi psikologi, aptitud, sahsiah dan kompetensi sahaja akan layak untuk dipanggil temu duga. Kaedah ini juga membolehkan bilangan calon dipanggil temu duga lebih rendah dan proses temu duga dapat diselesaikan dalam tempoh yang lebih singkat. Setelah selesai urusan temu duga, calon terbaik di kalangan calon-calon berkualiti ini akan diperakukan untuk lantikan.

Fasa Pelaksanaan MyRecruitment

Pelaksanaan **MyRecruitment** dibuat mengikut empat (4) fasa seperti berikut:

(i) Fasa Pertama (Tahun 2009)

Fasa ini melibatkan urusan pengambilan bagi jawatan-jawatan berikut:

- (a) Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41;
- (b) Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41;
- (c) Akauntan Gred W41; dan
- (d) Pegawai Belia dan Sukan Gred S41;

(ii) Fasa Kedua (Tahun 2010)

Fasa ini akan melibatkan urusan pengambilan bagi jawatan-jawatan berikut:

- (a) Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41;
- (b) Pegawai Siasatan Gred P41;
- (c) Penguasa Bomba Gred KB41;
- (d) Pegawai Keselamatan Gred KP41;
- (e) Penguasa Penjara Gred KX41;
- (f) Pegawai Penguatkuasa Gred N41;
- (g) Penguasa Kastam Gred W41;
- (h) Pegawai Tadbir Gred N41;
- (i) Pegawai Arkib Gred S41;
- (j) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41;
- (k) Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41;
- (l) Pegawai Psikologi Gred S41;
- (m) Pegawai Penerangan Gred S41; dan
- (n) Semua jawatan di bawah klasifikasi Bakat dan Seni;

(iii) Fasa Ketiga (Tahun 2011)

Akan melibatkan skim perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang belum melaksanakan MyRecruitment di Fasa Pertama dan Kedua; dan


(iv) Fasa Keempat (Tahun 2012)

Akan dilaksanakan mulai Januari 2012 yang melibatkan skim perkhidmatan bagi Kumpulan Sokongan terpilih mengikut kesesuaian.

Rumusan

Transformasi kaedah pengambilan sedia ada kepada **MyRecruitment** oleh SPA diharap akan meningkatkan persepsi positif calon terhadap ketelusan Kerajaan dalam urusan pengambilan apabila calon dinilai dan dipertimbang, bukan berdasarkan kepada tahap kecemerlangan akademik semata-mata tetapi juga kesesuaian dan kompetensi mereka terhadap jawatan yang dipohon mengikut keperluan kementerian/jabatan. Pelaksanaan **MyRecruitment** diharap dapat melahirkan penjawat awam yang ideal iaitu cemerlang, memiliki kemahiran yang bersesuaian dan berfikiran strategik supaya sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran.

RAJAH A





Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menandatangani plak sempena Majlis Pelancaran MyRecruitment Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia pada 11 Januari 2010 di PICC



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyampaikan Pensijilan MS ISO 9001:2008 kepada Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo sambil diperhatikan oleh Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri.

PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2008 DI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Pelaksanaan standard MS ISO 9001:2008 di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) adalah bagi mematuhi Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh MAMPU mengenai Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9001:2000 Dalam Perkhidmatan Awam. Pengenalan standard ISO yang baru iaitu MS ISO 9001:2008 adalah untuk mewujudkan dan melaksana sistem kualiti yang cekap dan berkesan untuk kepuasan hati pelanggan. Sebelum ini SPA telah mendapat pensijilan MS ISO 9002:1994 pada 15 Jun 1998 di bawah skop Pelaksanaan Urusan Pelantikan Anggota Perkhidmatan Awam di Bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan pemilihan Pelatih Separa Perubatan oleh Urus Setia SPA.

Pensijilan MS ISO 9001:2008 di SPA

Berdasarkan kejayaan dan kelancaran Audit Pematuhan yang telah dijalankan pada 9-12 November 2009 di Ibu Pejabat SPA Putrajaya, Pejabat Urus Setia SPA Cawangan Sabah dan Pejabat Urus Setia SPA Cawangan Sarawak, SPA telah menerima pensijilan yang berstatus **Standard Malaysia** dan **UKAS (United Kingdom Accreditation Services)** dari United Kingdom oleh Syarikat Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. pada 22 November 2009.

Bagi mencapai kejayaan dalam urusan yang dilaksanakan di SPA, semua urusan yang dijalankan di bawah tanggungjawab SPA perlu diurus dan didokumentasikan secara sistematik. Kejayaan boleh dicapai melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang memberi tumpuan kepada peningkatan secara berterusan melalui kecekapan dan keberkesanan prestasi yang ditetapkan melalui pencapaian objektif kualiti dengan mengambil kira kepuasan hati pelanggan. Sehubungan itu, keperluan dokumentasi merupakan aspek yang penting bagi menilai sistem dan proses kerja yang dijalankan sebagai bukti bagi memenuhi objektif kualiti yang ditetapkan. Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti yang dimaksudkan perlu mengandungi:

- (i) Pernyataan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti SPA;
- (ii) Manual Kualiti;
- (iii) Prosedur-prosedur yang perlu didokumenkan mengikut urusan di SPA berdasarkan standard antarabangsa ini;
- (iv) Dokumen-dokumen yang diperlukan oleh SPA bagi memastikan perancangan, operasi dan kawalan ke atas proses dijalankan dengan berkesan; dan
- (v) Rekod-rekod yang diperlukan oleh standard antarabangsa.

Prinsip-Prinsip MS ISO 9001:2008

Pengurusan Sistem Kualiti adalah berlandaskan kepada lapan (8) prinsip standard ISO 9001, di mana ia diuruskan dengan menggunakan kaedah perancangan strategik yang dipandu arah dan dilaksanakan oleh pengurusan atasan dalam sesebuah organisasi seperti SPA. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

- Prinsip 1 - Tumpuan Kepada Pelanggan
- Prinsip 2 - Kepimpinan
- Prinsip 3 - Penglibatan Anggota Organisasi
- Prinsip 4 - Pendekatan Proses
- Prinsip 5 - Pengurusan yang Mengamalkan Pendekatan Sistem
- Prinsip 6 - Penambahbaikan secara Berterusan
- Prinsip 7 - Pendekatan membuat Keputusan Berasaskan Fakta
- Prinsip 8 - Hubungan dengan Pembekal untuk Faedah Bersama

Keuntungan ISO

- Mencapai kualiti perkhidmatan yang konsisten berdasarkan keperluan antarabangsa
- Mempraktikan pengamalan budaya kerja yang teratur dan sistematik
- Menjamin penambahbaikan serta kepuasan kepada pelanggan
- Diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai sebuah organisasi yang diurus dengan baik

Badan Pensijilan

SPA telah melantik Syarikat Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi tujuan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.



Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo dan pegawai kanan SPA bergambar bersama pegawai-pegawai dari Maldives Civil Service Commission



Timbalan Setiausaha SPA, Puan Lim Mooi Eia dan pegawai kanan SPA bergambar bersama pegawai-pegawai kanan Kerajaan Myanmar





10 BAJET


SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2010

Peruntukan Tanggungan

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,525,900.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,457,347.00 untuk Emolumen; RM3,866,659.59 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM139,208.50 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh akaun awam tahun 2010 ditutup ialah RM7,461,976.97 atau 99.15%. Peruntukan Tanggungan bagi tahun 2010 adalah seperti **Carta 5**.


CARTA 5
Peruntukan Tanggungan Tahun 2010



Peruntukan Bekalan

Di bawah Maksud Bekalan (B05), Urus Setia Suruhanjaya telah diperuntukan sebanyak RM44,017,300.00. Daripada jumlah itu sebanyak RM15,822,900.00 untuk Emolumen; RM26,145,295 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; RM1,889,249.00 untuk Aset; RM154,136.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM5,720.00 untuk Bayaran-bayaran Lain. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam adalah sebanyak RM44,429,564.29 atau 100.94%. Peruntukan Bekalan bagi tahun 2010 adalah seperti **Carta 6**.

CARTA 6
Peruntukan Bekalan Tahun 2010



More Chinese in civil service

The number of Chinese in the civil service has increased by 10 per cent last year from 12,872 to 14,162. The Prime Minister's Office said the Public Services Commission (PSC) has approved 25,789 applications for civil service appointments offered to Chinese during that period, up from 1,323 in 2007.

Statistics as at June this year show that Malaysia had 1.29 million civil servants, with Malays at 77 per cent, followed by Sarawak Bumiputeras at 10 per cent, Chinese (six per cent), Indians (four per cent) and others (three per cent).

The government wants to increase the number of non-Malay civil servants through several measures taken in the public sector, he said.

CHINESE MALAYSIANS

Applications	Appointments
2007 12,872	2007 1,323
2009 25,789	2009 2,600

The PSC said after a dialogue with representatives of The Federation of Chinese Associations of Malaysia (Hua Zong) on the recruitment of the Chinese into this sector.

Present at the dialogue were Hua Zong president Tan Sri Pheng Yee Huah, its vice-president Lau Chai Boon and PSC secretary Datuk Lamien Sawlyo.

Koh said measures taken by the PSC included forming a special committee comprising the PSC deputy chairman and non-Malay members.

Jumlah Cina

Permohonan kaedah Cina serta sektor awam

KUALA LUMPUR - Bilangan permohonan dan pelepasan kaedah Cina dalam perkhidmatan awam pada tahun 2009 mencatatkan peningkatan 100 peratus berbanding 2007, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Katanya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima 25,789 permohonan daripada kaedah Cina pada tahun lepas berbanding 12,872 dua tahun sebelumnya manakala 2,600 dilantik sebagai penjawat awam pada 2009 berbanding 1,323 pada tahun 2007.



● KOHTSU KOON

Beliau berkata, peningkatan ini menunjukkan bahawa penjawat awam Cina adalah sebanyak 6 peratus daripada orang yang dilantik sebagai penjawat awam Melayu 77 peratus.

கடந்த ஆண்டு பொதுச் சேவை

50,756 பேர் வேலை வாய்ப்பு

ஜோகூர்பாரு. அக். 15- கடந்த ஆண்டு 50 ஆயிரத்து 756 பேர் பொதுச் சேவைத் துறையில் வேலைக்கு, சேர்க்கப்பட்டதாக மலேசிய பொதுச் சேவைத் துறை ஆணையத்தின் தலைவர் ஜான்ஸ் ஜமாலுடின் அகமது டமாண்டூரி கூறினார்.

பொதுச் சேவைத் துறையில் வேலை செய்ய வேண்டும் என்ற நோக்கம் கொண்ட கடந்த ஆண்டு வேலை வாய்ப்பு மூலமாக விண்ணப்பம் செய்த 15 லட்சம் பேரில் இந்த ஆணையத்தின் மூலமாக 50,756 பேர் வேலை வாய்ப்பு பெற்றனர்.

இவ்வாண்டு ஜனவரி முதல் அக்டோபர் முதலாம் தேதி வரை 9 லட்சத்து 34 ஆயிரத்து 680 பேர் பொதுச் சேவைத் துறையில் வேலை வாய்ப்பு பெறும் வகையில் வேலைக்கு விண்ணப்பம் செய்துள்ளதாக அவர் தெரிவித்தார்.



இவ்வாண்டு ஜனவரி முதல் அக்டோபர் முதலாம் தேதி வரை 9 லட்சத்து 34 ஆயிரத்து 680 பேர் பொதுச் சேவைத் துறையில் வேலை வாய்ப்பு பெற்றனர்.



Chinese pengambil

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) akan melaksanakan urusan pe...

MyRecruitment vet

PSC using method to ensure transparency and

KUALA LUMPUR - The Public Services Commission (PSC) has introduced the MyRecruitment system to ensure transparency and quality in the recruitment process.

The PSC said the new system would allow candidates to apply for jobs through a single portal and would ensure that the recruitment process is fair and open to all.

The PSC also said it would take three to six months to fully implement the system across all departments.



11

**KERATAN
AKHBAR**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

MyRecruitment vetting

THE STAR 14-09-2010 PG.2

PSC using method to ensure transparency and quality

PUTRAJAYA: The Public Services Commission (PSC) has introduced the MyRecruitment method to ensure transparency and quality when hiring new civil servants.

MyRecruitment allows candidates to be evaluated on their personality, interests, attitude, knowledge and skills for a more precise match to the posts they apply for.

PSC secretary Datuk Lamien Sawiyo said 91 job schemes were identified to use the method, with 21 schemes having already benefited from it since it was introduced last year.

Among those involved were the posts of the prisons as well fire and rescue departments' enforcement personnel, programme producer

and cultural officer.

"So far, we have not received any complaint from departments or agencies which received candidates through MyRecruitment," he told *Bernama*.

Lamien said it would take three to six months before a candidate could be accepted through the method.

He said candidates applying for jobs had increased compared with before, and the increase in graduates among them also presented a challenge.

He said by year-end, the method would be used for eight other job schemes, with 38 schemes in 2011 and another 24 the following year.

Through MyRecruitment, applicants will go through four stages, namely preliminary screening, aptitude and psychology test, competency evaluation system - which comprises group discussion, fitness, case study, public speaking in English and Bahasa Malaysia - and a final interview.

Lamien said candidates who failed to pass a stage were allowed to try again, but would have to start the process from the beginning.

So far, 50,000 vacancies have been offered this year. Last year, there were 50,756 vacancies, 52,369 (2008) and 38,373 in 2007.

About 1.5 million applications are received annually. - *Bernama*

Ujian pengambilan PTD mulai esok

Harian Metro 30/06/2010

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) akan mengendalikan urusan pengambilan bagi pengisian jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M1. Seramai 59,718 memohon bagi mengisi jawatan itu. Perhubungan Awam SPA, Radziah Mohd Sharif, berkata SPA menggunakan kaedah pengambilan secara profiling iaitu calon

memohon akan melalui tapisan kelayakan akademik, peperiksaan, penilaian kecekapan dan temu duga.

"Bagi urusan pada tahun ini, seramai 42,711 calon dipanggil menduduki peperiksaan dengan 3,938 daripadanya berjaya dalam peperiksaan itu dan bakal dipanggil menghadiri sesi penilaian di Pusat Penilaian Kompetensi (Pac)," katanya. Pac akan dijalankan di

enam zon iaitu Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (Intan) Jalan Ilmu Kuala Lumpur pada 1-3 Julai dan 10-11 Julai ini; Intan Sungai Petani Kedah (2-4 Julai dan 9-10 Julai); Intan Kluang Johor (1-3 Julai dan 10-11 Julai); Intan Kemaman Terengganu (2-4 Julai dan 9-11 Julai); Intan Kota Kinabalu Sabah (3 Julai) dan Kolej Kesihatan Bersekutu Kuching Sarawak (3-4 Julai).

BH 23-03-2010 ms.2

SPA tawar lepasan SPM latihan separa perubatan

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) semalam menawarkan kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 untuk mengikuti 13 jenis Latihan Separa Perubatan bertaraf Diploma dan Sijil bagi kemasukan Julai 2010.

Setiausaha SPA, Datuk Lamien Sawiyo, berkata latihan itu ditawarkan secara percuma dan mereka yang terpilih akan mendapat jaminan penempatan pekerjaan secara tetap.

Katanya, latihan bertaraf diploma akan dijalankan selama tiga tahun manakala latihan bertaraf sijil pula adalah selama dua setengah tahun dan jumlah kekosongan yang ditawarkan adalah sebanyak 3,315 orang.

Beliau berkata, had umur untuk calon memohon Latihan Separa Perubatan adalah tidak kurang 17 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh tutup permohonan bagi calon lantikan terus manakala bagi Pegawai Sedang Berkhidmat untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) pula hendaklah berumur kurang 51 tahun.

"Program Latihan Bertaraf Diploma yang ditawarkan adalah Juru X-ray, Jururawat, Jurupulih Perubatan (Cara Kerja dan Anggota), Penolong Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juruteknologi Pergigian dan Jururawat Pergigian," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, selepas tamat latihan, pelatih akan dilantik secara tetap dan diberi penempatan di hospital atau klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara.

"Oleh yang demikian, calon tidak perlu risau untuk mencari pekerjaan selepas menamatkan latihan. Selain belajar secara percuma, pelatih juga akan diberikan biasiswa bulanan," katanya.

Beliau berkata, tarikh akhir permohonan pada Khamis ini. Keterangan lanjut tawaran boleh melayari portal SPA di www.spa.gov.my.

BH 02-03-2010 ms. 2

SPA utamakan merit, kelayakan

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tidak pernah mengemukakan pilih kasih atau menetapkan kuota mengikut jantina dalam pemilihan calon untuk mengisi kekosongan jawatan dalam sektor awam.

Setiausaha SPA, Datuk Lamien Sawiyo, berkata pemilihan calon untuk mengisi kekosongan jawatan dalam sektor awam ditentukan berdasarkan merit, kelayakan akademik dan kesesuaian perjawatan berkenaan.

Sebagai contoh, katanya, dalam pelantikan baru seramai 460 Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M41 yang baru diluluskan semalam, sebanyak 250 calon adalah lelaki manakala bakinya wanita.

"Secara keseluruhannya, kita tidak mengamalkan sistem kuota mengikut jantina dan bersedia melantik mana-mana individu jika mereka memenuhi syarat ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan penyertaan Kelab Bola Sepak SPA (SPA FC) ke Liga FAM pada musim 2010, di sini, semalam.

BH 27-04-2010 ms.31

500,000 mohon kerja melalui online SPA

IPOH: Kira-kira 500,000 mengemukakan permohonan secara dalam talian atau online kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi mengisi jawatan perkhidmatan awam dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, berkata permohonan terbanyak diterima untuk perkhidmatan separa perubatan membabitkan jawatan seperti jururawat, pembantu perubatan dan farmasi iaitu sebanyak 260,000 permohonan.

"Selepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 diumumkan awal tahun ini, lebih kurang 260,000 pemohon telah memohon jawatan dalam perkhidmatan separa perubatan yang hanya memerlukan kelulusan pada peringkat SPM," katanya.

Selepas merasmikan Pusat Temu Duga SPA Perak di sini semalam, Jamaluddin berkata penggunaan permohonan secara dalam talian semakin popular terutama di kalangan generasi muda yang lebih selesa menggunakan komputer dalam sebarang urusan.

Sinar 27/8/2010 m/s: N11
 SINAR 27-08-2010 ms.N11

Jumlah Cina naik

Permohonan kaum Cina sertai sektor awam meningkat

KUALA LUMPUR - Bilangan permohonan dan pelantikan kaum Cina dalam perkhidmatan awam pada tahun 2009 mencatatkan peningkatan 100 peratus berbanding 2007, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Katanya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima 25,789 permohonan daripada kaum Cina pada tahun lepas berbanding 12,872 dua tahun sebelumnya manakala 2,600 dilantik sebagai penjawat awam pada 2009 berbanding 1,323 pada tahun 2007.

Beliau berkata, data yang diperolehi setakat Jun tahun ini menunjukkan jumlah perjawat awam di Malaysia adalah sebanyak 1.29 juta orang yang merangkumi kaum Melayu 77 peratus, di-



• KOHTSU KOON

ikuti Bumiputera Sabah dan Sarawak (8.7 peratus), Cina (6 peratus), India (4 peratus) dan lain-lain (4.3 peratus).

"Kerajaan berazam untuk menambah bilangan penjawat awam bukan Melayu dalam pentadbiran negara dan pelbagai langkah telah diambil sejak tiga tahun lepas bagi menarik minat golongan ini," katanya kepada pemberita selepas

sesi dialog dengan wakil dari Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong) mengenai isu pengambilan kaum Cina sebagai penjawat awam.

Menurutnya, antara langkah yang telah diambil oleh pihak SPA termasuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada timbalan pengerusi SPA dan anggota-anggota SPA bukan Melayu untuk menjalankan pelbagai usaha.

"Kerajaan Malaysia mementingkan kepelbagaian dalam menawarkan perkhidmatan kepada rakyat. Maka kami berharap semua kaum dapat mengambil wataknya dalam perkhidmatan awam untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan awam," katanya. - Bernama

22/NATION

More Chinese join civil service

NEW STRAITS TIMES
 27-08-2010 pg.22

KUALA LUMPUR: The number of applications from Chinese and their appointments in the civil sector rose by 100 per cent last year from the figure in 2007.

Minister in the Prime Minister's Department Tan Sri Dr Koh Tsu Koon (PSC) received 25,789 applications from the Chinese last year compared with 12,872 in 2007.

Koh said the appointments offered by PSC to the Chinese during that period also rose by almost 100 per cent — 2,600 appointed as civil servants last year compared with 1,323 in 2007.

He said statistics as at June this year showed that Malaysia had 1.29 million civil servants, with Malays Sabah and Sarawak Bumiputeras at 8.7 per cent, Chinese six per cent, Indians (four per cent) and others (4.3 per cent).

"The government wants to increase the number of non-Malay civil servants with several measures taken since three years ago to encourage them to join the public sector," he

said after a dialogue with representatives of The Federation of Chinese Associations of Malaysia (Hua Zong) on the recruitment of the Chinese into this sector.

Present at the dialogue were Hua Zong president Tan Sri Pheng Yin Boon and PSC secretary Datuk Lamien Sawoo.

Koh said measures taken by PSC included forming a special committee comprising the PSC deputy chairman and non-Malay members of PSC

to increase Chinese participation in the public sector.

"These efforts have been intensified after the prime minister introduced the 1Malaysia concept. We hope all the communities can play their role in improving the quality of services and delivery."

PSC and Hua Zong will have another session at Hua Zong's offices on Sept 4 to enable the Chinese who are keen to join the civil service to submit their job applications. — Bernama

27/8/2010 16:02 WET

CHINESE MALAYSIANS IN CIVIL SERVICE

Applications	Appointments
2007 12,872	2007 1,323
2009 25,789	2009 2,600



約500華青 總招聘反應佳 爭當公僕

【本報訊】昨(四)日，由僑務委員會主辦、僑務委員會僑務發展局承辦的「2010年華青總招聘」活動，在吉隆坡華僑服務中心舉行，共有約500名華裔青年踴躍參加。

僑務委員會委員長謝長廷表示，僑務委員會非常重視華裔青年的就業問題，因此特別舉辦這項活動，希望透過這項活動，讓華裔青年能順利就業，並為僑社服務。

謝長廷在致詞時表示，僑務委員會將繼續致力於僑務發展，並提供各項服務，以協助華裔青年就業。他呼籲僑社各界人士，能給予華裔青年更多的支持與鼓勵。

此外，僑務委員會也舉辦了多項活動，包括「出團服務會找客案」、「希望學習區技巧」、「公務員徵博空間展」等，以協助華裔青年就業。

僑務委員會也舉辦了「未來或助軍警招聘」、「關注華裔不登管公僕現象」、「應徵者須做好準備」等活動，以協助華裔青年就業。

僑務委員會也舉辦了「宜神不足華裔申請者少」等活動，以協助華裔青年就業。

3小時 450華裔申請

【本報訊】由僑務委員會主辦、僑務委員會僑務發展局承辦的「2010年華青總招聘」活動，在吉隆坡華僑服務中心舉行，共有約450名華裔青年踴躍參加。

僑務委員會委員長謝長廷表示，僑務委員會非常重視華裔青年的就業問題，因此特別舉辦這項活動，希望透過這項活動，讓華裔青年能順利就業，並為僑社服務。

謝長廷在致詞時表示，僑務委員會將繼續致力於僑務發展，並提供各項服務，以協助華裔青年就業。他呼籲僑社各界人士，能給予華裔青年更多的支持與鼓勵。

此外，僑務委員會也舉辦了多項活動，包括「出團服務會找客案」、「希望學習區技巧」、「公務員徵博空間展」等，以協助華裔青年就業。

僑務委員會也舉辦了「未來或助軍警招聘」、「關注華裔不登管公僕現象」、「應徵者須做好準備」等活動，以協助華裔青年就業。

僑務委員會也舉辦了「宜神不足華裔申請者少」等活動，以協助華裔青年就業。

கடந்த ஆண்டு பொதுச் சேவைத் துறையில் 50,756 பேருக்கு வேலை வாய்ப்பு!

ஜோசுபாரு. அக். 15-பேர் பொதுச் சேவைத் துறையில் வேலைக்கு, சேர்க்கப்பட்டதாக ஆணையத்தின் தலைவர் டான்ஸ் கூறினார்.

இவ்வாண்டு ஜனவரி முதல் டிசம்பர் முதுலாம் தேதி வரை 9 பொதுச் சேவைத் துறையின் வழி அரசாங்க வேலைகளுக்கு மனு நேற்று இங்கு தெரிவித்தார். அன்சாரில் ஜோசுபாரு கிணையின் நேர்முக தேர்வு மையத்தை அதிகாரப் பூர்வமாக திறந்து வைத்தப் பின்னர் அவர் செய்தியாளர்களிடம் பேசினார்.

இவ்வாண்டு ஜனவரி முதல் டிசம்பர் முதுலாம் வரை ஜோசுபாரு ஆயிரத்து 641 பேர் நேர்முகத் தேர்வுக்கு அழைக்கப்பட்டுள்ளனர். அவர்களில் 4,551 பேர் பொதுச் சேவைத் துறையில் வேலைக்கு சேர்க்கப்பட்டுள்ளனர் என்றார். கடந்த ஆண்டு ஜோசுபாரு தேர்வுக்கு 56,835 பேர் நேர்முகத் தேர்வுக்கு அழைக்கப்பட்டனர். இவர்களில் 6,332 பேர் வேலைக்கு சேர்க்கப்பட்டதாகவும் அவர் சொன்னார்.





MAJLIS HARI INOVASI

ANJAY PERKHIDMATAN AWAM

Pengambilan dan Perkhidmatan Awam

ABRIT



12

**PROGRAM
INOVASI DAN
KREATIVITI**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

HARI INOVASI SPA 2010

Hari Inovasi SPA 2010 telah diadakan di Dewan 6 dan 7, *Putrajaya International Convention Centre (PICC)*, Putrajaya pada 30 November 2010. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri. Tema sambutan Hari Inovasi pada kali ini adalah "Inovasi Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam". Pada majlis ini juga, YBhg. Tan Sri Pengerusi SPA telah melancarkan Blog Inovasi dan Kreativiti SPA. Acara kemuncak sambutan Hari Inovasi ialah penyampaian hadiah kepada pemenang program yang diadakan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2010, Anugerah Kebersihan Pejabat dan Persekitaran Berkualiti SPA 2010 dan Anugerah KIK SPA 2010. Buat pertama kalinya, SPA telah mewujudkan Anugerah Khas Inovasi SPA 2010 yang dimenangi oleh Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib. Sesi ceramah Hari Inovasi turut diadakan yang disampaikan oleh YBhg. Profesor Madya Md Izuddin bin Ali yang bertajuk 'Menjana Transformasi Menerusi Inovasi'.

1. Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)

Pada 29 November 2010, telah diadakan Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) SPA 2010 bertempat di Dewan 6 dan 7, *Putrajaya International Convention Centre (PICC)*, Putrajaya. Sebanyak 9 kumpulan telah bertanding mewakili bahagian masing-masing. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

- Johan : Kumpulan CITRA (Bahagian Peperiksaan)
- Naib Johan : Kumpulan SURIA (Bahagian Perkhidmatan)
- Ketiga : Kumpulan PIXELL (Bahagian Pengurusan Maklumat)



Kumpulan KIK CITRA dari Bahagian Peperiksaan SPA selaku Johan KIK SPA 2010 bergambar bersama Pengerusi SPA, Timbalan Pengerusi SPA dan Setiausaha SPA



Kumpulan KIK SURIA dari Bahagian Perkhidmatan SPA selaku Naib Johan KIK SPA 2010 bergambar bersama Pengerusi SPA, Timbalan Pengerusi SPA dan Setiausaha SPA



Kumpulan KIK PIXELL dari Bahagian Pengurusan Maklumat SPA selaku tempat Ketiga KIK SPA 2010 bergambar bersama Pengerusi SPA, Timbalan Pengerusi SPA dan Setiausaha SPA

2. Pertandingan Kebersihan Pejabat dan Persekitaran Berkualiti SPA 2010

- Johan : Bahagian Urus Setia Cawangan Sabah
- Naib Johan : Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
- Ketiga : Bahagian Perkhidmatan

MAJLIS PELANCARAN BLOG INOVASI DAN KREATIVITI SPA

Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri telah melancarkan Blog Inovasi dan Kreativiti SPA sempena Hari Inovasi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)* pada 30 November 2010. SPA telah menubuhkan Blog Inovasi dan Kreativiti khusus untuk Warga SPA menyampaikan maklumat, mendapatkan maklum balas, pendapat/cadangan berkaitan perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh SPA. Turut hadir, Timbalan Pengerusi SPA, YBhg. Dato' Ahmad bin Said dan Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo, pegawai-pegawai kanan dan warga SPA.



YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri melancarkan Blog Inovasi dan Kreativiti SPA

PROGRAM ICT YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2010

- Seramai 520 warga SPA telah diberikan pelbagai latihan ICT untuk mempertingkatkan kemahiran ICT warga SPA;
- Melaksanakan pemerolehan perkakasan ICT seperti *Notebook, Server, Personal Computer*, peralatan keselamatan ICT dan pencetak bagi meningkatkan kemudahan ICT. Pada masa kini, nisbah kemudahan komputer kepada pengguna adalah 1 nisbah 1 sementara nisbah pengguna kepada pencetak adalah lebih kurang 5 nisbah 2. Selain itu, keseluruhan kakitangan SPA disediakan kemudahan emel jabatan;
- Meningkatkan keupayaan *Uninterrupt Power Supply (UPS)* dan Penyaman Udara di *Data Center SPA*;
- Melaksanakan projek peningkatan dan penambahbaikan terhadap sistem Pengambilan Sepanjang Masa (*eSMSM*) dan Sistem Pemantauan Maklumat Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib (*eSPDM*);
- Melaksanakan program untuk pengesahan maklumat Orang Kurang Upaya;
- Menjalinkan kerjasama perkongsian maklumat dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara;

- Peningkatan sistem emel SPA dengan menggunakan *Microsoft Exchange* di mana penggunaan *Microsoft Exchange* membolehkan maklumat emel, kalendar dan *Address Book* pegawai diselaraskan dengan *Smart Phone*;
- Melaksanakan pembangunan aplikasi Sistem Peperiksaan Berkomputer *Online* (SISPEK);
- Melaksanakan *Human Resource Management Information System* (HRMIS) untuk modul Pengurusan Prestasi;
- Melaksanakan projek peningkatan integrasi sistem eSMSM dan eSPDM dengan *Human Resource Management Information System* (HRMIS);
- Memberikan pendedahan mengenai Dasar keselamatan ICT (DKICT) kepada warga SPA;
- Menyediakan kemudahan ICT di Pusat Temu Duga Ipoh, Kota Bharu, Johor Bahru dan Alor Setar;
- Penyediaan montaj dan paparan multimedia untuk Majlis-majlis anjuran SPA seperti Malam SPA, Perhimpunan Bulanan, Program Hari Inovasi, Persidangan SPA dan Majlis Persaraan Ahli Suruhanjaya;
- Menjalankan Kajian dan Soal Selidik Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap pelaksanaan Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM) dan Sistem Pemantauan Maklumat Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib (eSPDM); dan
- Mengadakan Lab *MyRecruitment*.

CAPAIAN PORTAL SPA

Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 20,334,400 capaian terhadap portal SPA telah direkodkan. Kemudahan urusan semakan melalui SMS oleh pelanggan merekodkan penggunaan sebanyak (3,767 mySMS) + (SMS Focal) manakala semakan melalui perkhidmatan TeleSPA pula adalah sebanyak 5,969 (Januari - Jun 2010).

DIALOG BERSAMA GABUNGAN PERTUBUHAN CINA MALAYSIA (HUA ZONG)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan dialog bersama Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong) pada 26 Ogos 2010 bertempat di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Jalan Maharajalela, Kuala Lumpur. SPA diwakili oleh Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo manakala Hua Zong pula diwakili oleh Presidennya, YBhg. Tan Sri Pheng Yin Huah. Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Tujuan dialog ini diadakan adalah untuk menyahut hasrat kerajaan supaya menarik minat bukan Melayu berkhidmat di dalam sektor awam.



Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo memberi taklimat mengenai urusan pengambilan yang dijalankan oleh SPA



Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo bersalaman dengan Presiden Hua Zong, YBhg. Tan Sri Pheng Yin Huah disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon



Ketua Persatuan Hua Zong Negeri yang turut hadir mendengar taklimat

PROGRAM HARI KHAS SPA BERSAMA PELANGGAN

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan program Hari Khas SPA Bersama Pelanggan seperti yang dijadualkan khususnya di Putrajaya. Pelaksanaan program di negeri-negeri dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang dirancang tertakluk pada kesesuaian tarikh dan masa kerajaan negeri berkenaan. Suruhanjaya telah mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri di mana program dilaksanakan khususnya daripada segi persiapan, logistik dan juga jemputan.

Pada tahun 2010, Hari Khas SPA Bersama Pelanggan di luar pejabat telah diadakan Pusat Temu duga SPA Jalan Cenderasari Kuala Lumpur dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor. Sambutan yang diberikan adalah menggalakkan terutama daripada pelajar-pelajar sekolah yang berada dalam Tingkatan 5 dan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta Malaysia. Selain itu juga, Suruhanjaya telah menyertai Karnival Kerjaya anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, SMK Cyberjaya, Pusat JobMalaysia Cyberjaya dan Hari Belia Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya.

Pada tahun 2010, Hari Khas SPA Bersama Pelanggan telah diadakan pada hari Selasa minggu terakhir setiap bulan. Kehadiran pelanggan semasa program dilaksanakan di luar Putrajaya amat menggalakkan berbanding di Putrajaya. Orang ramai telah hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat melalui pelaksanaan program Hari Khas SPA Bersama Pelanggan yang telah diatur bagi setiap tempat diadakan program tersebut. Tarikh dan tempat diadakan program Hari Khas SPA Bersama Pelanggan pada tahun 2010 adalah seperti **Jadual 33**.

Berikut adalah beberapa cadangan dan pandangan pelanggan yang dapat dikumpulkan sempena Hari Khas SPA Bersama Pelanggan pada tahun 2010 seperti yang disenaraikan di bawah. Suruhanjaya akan mengambil tindakan ke atas cadangan dan pandangan tersebut ke arah penambahbaikan perkhidmatan Suruhanjaya kepada pelanggan. Antara cadangan yang diutarakan adalah seperti berikut:

- kaunter pertanyaan yang disediakan hendaklah menempatkan pegawai yang boleh membuat keputusan;
- mengadakan Hari Khas SPA Bersama Pelanggan selama 2 hari di luar Putrajaya;
- mengadakan taklimat dan promosi di seluruh negeri khususnya di tempat yang mudah dikunjungi oleh orang ramai;
- memperluaskan hebahan dan promosi terutama di televisyen dan radio;
- memastikan para petugas sentiasa memberi layanan mesra; dan
- mengadakan temu duga terbuka semasa Hari Khas SPA Bersama Pelanggan

JADUAL 33

TARIKH DAN TEMPAT PROGRAM HARI KHAS SPA BERSAMA PELANGGAN BAGI TAHUN 2010

TARIKH	TEMPAT
24 Januari	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
23 Februari	SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
25 Februari	SMK Kiulu, Tamparuli, Sabah
6 Mac	Dewan Suarah, Mukah, Sarawak
27 Mac	SMK Tawau, Tawau, Sabah
20 April	SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
22 Mei	SMK Spaoh, Betong, Sarawak
25 Mei	SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
29 Jun	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
1 Julai	SMK Tabuan Jaya, Sarawak
2 Ogos	SMK Mutiara, Labuan
3 Ogos	SMK Beaufort, Beaufort, Sabah
24 Ogos	SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
4 September	Dewan Perhimpunan Cina Selangor (Hua Zong), Kuala Lumpur
28 September	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
27 Oktober	SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
9 November	Kolej Komuniti, Kuching, Sarawak
23 November	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
23 Disember	SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur



Pelanggan yang hadir ketika Hari Khas SPA Bersama Pelanggan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor di Kuala Lumpur pada 4 September 2010



Pegawai SPA memberi khidmat nasihat kepada pelanggan yang hadir

PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah berjaya membuka tiga (3) buah pusat temu duga bertempat di Ipoh, Perak pada 26 April 2010, Johor Bahru, Johor pada 14 Oktober 2010 dan Alor Setar, Kedah pada 20 Disember 2010. Ketiga-tiga pusat temu duga ini telah dirasmikan oleh Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri. Pusat temu duga ini juga dilengkapi infrastruktur moden dan boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti selain temu duga seperti Hari Khas SPA Bersama Pelanggan, Ceramah Kerjaya dan pendaftaran permohonan pekerjaan secara *online*. Sebelum ini SPA telah mempunyai pusat temu duga di Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur, Kota Bharu, Kelantan dan Kuantan, Pahang.



Perasmian Pusat Temu Duga SPA Ipoh, Perak pada 26 April 2010



Perasmian Pusat Temu Duga SPA Johor Bahru, Johor pada 14 Oktober 2010



Perasmian Pusat Temu Duga SPA Alor Setar, Kedah pada 20 Disember 2010

LAWATAN SPA KE JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan lawatan ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) pada 17 Jun 2010 bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik dan mengetahui tentang proses kerja di jabatan berkenaan. SPA juga telah menerima 20 buah komping yang di sumbangkan oleh JKKN. Upacara penyerahan telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JKKN, YBhg. Dato' Norliza binti Rofli kepada Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo. SPA merupakan satu-satunya Jabatan Kerajaan yang menubuhkan pasukan Kompang dan akan menerima jurulatih di bawah kendalian JKKN.



Ketua Pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, YBhg. Dato' Norliza binti Rofli menyerahkan komping kepada Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo



Delegasi SPA bergambar kenangan dengan Ketua Pengarah dan Pegawai-Pegawai daripada Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara

MAJLIS PELANCARAN BENDERA RASMI SPA

Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin Hj. Ahmad Damanhuri telah melancarkan bendera rasmi SPA dalam majlis perhimpunan bulanan anjuran Bahagian Pengurusan pada 25 Februari 2010. Turut hadir, Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo, pegawai-pegawai kanan dan warga SPA. Bendera rasmi SPA tersebut adalah rekaan Puan Norazrina Zainal Mohyin dari Bahagian Perkhidmatan SPA.



YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri melihat bendera SPA bersama YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo

KURSUS ETIKET DI MEJA MAKAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan Kursus Etiket Di Meja Makan pada 16 Julai 2010. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi panduan kepada peserta mengenai cara yang betul ketika berada di meja makan terutama apabila dihadiri oleh tetamu kehormat. SPA telah menjemput penceramah dari INTAN iaitu Puan Rozita binti Haji Rahim.



Ahli Suruhanjaya, Encik Perumal dan Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo ketika menghadiri Kursus Etiket Di Meja Makan

PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2010

1. Pertandingan Berbalas Pantun Antara Bahagian

Pertandingan Berbalas Pantun Antara Bahagian telah diadakan pada 28 September 2010 bertempat di Dewan Temu Duga, Aras 6 (Peringkat Akhir) dan Bilik Mesyuarat Suruhanjaya Aras 10 (Saringan). Sebanyak 6 bahagian telah mengambil bahagian iaitu Bahagian Pengurusan (PN), Pengambilan Khas (PK), Peperiksaan (PE), Naik Pangkat dan Tatatertib (NT), Pengambilan (PG) dan Perkhidmatan (KT). Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan	:	Bahagian Pengurusan
Naib Johan	:	Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
Pemantun Terbaik	:	Puan Idayuamimah binti Ibrahim (Bahagian Pengurusan)



Johan Pertandingan Berbalas Pantun – Bahagian Pengurusan

2. Pertandingan Penulisan Cerpen

SPA telah mengadakan Pertandingan Penulisan Cerpen bertemakan “1 Malaysia” bermula pada 1 September 2010 dan berakhir pada 20 September 2010. Sebanyak 6 penyertaan telah dihantar. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan	: Puan Siti Nurazira binti Shahudin (Bahagian Pengambilan Khas)
Naib Johan	: Puan Maznida binti Mahadi (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)
Ketiga	: Puan Wan Nafisah binti Wan Kamaruddin (Bahagian Pengurusan)

3. Pertandingan Deklamasi Sajak

Pada 8 Oktober 2010, SPA telah mengadakan Pertandingan Deklamasi Sajak bertempat di Dewan Temu Duga, Aras 6 dan Bilik Mesyuarat Suruhanjaya Aras 10. Seramai 15 peserta telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan	: Puan Maznidah binti Mahadi (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)
Naib Johan	: Puan Khadijah binti Ishak (Bahagian Peperiksaan)
Ketiga	: Encik Azri Alwan bin Nordin (Bahagian Pengambilan)



Peserta Pertandingan Deklamasi Sajak bergambar kenangan bersama Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo dan Timbalan Setiausaha SPA, Puan Lim Mooi Eia

4. Pertandingan Talentime SPA 2010

Pada 30 November 2010, SPA telah menganjurkan Pertandingan Talentime SPA 2010 bertempat di *Fine Dining, Putrajaya International Convention Centre (PICC)*. Seramai 19 peserta telah menyertai pertandingan kali ini. Sebanyak 2 kategori telah dipertandingkan iaitu Irama Moden dan Irama Tradisional. Para peserta diadili oleh tiga orang Juri Profesional, YBhg. Dato' Mokhzani Ismail, Komposer Encik A. Ali dan Ketua Jabatan Muzik UITM, Puan Siti Hajar. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Kategori Irama Moden:

Johan : Cik Marsita binti Ahmad Kipli (Urus Setia SPA Cawangan Sabah)
 Naib Johan : Encik Azri Alwan bin Nordin (Bahagian Pengambilan)
 Ketiga : Encik Putera Mohd Fahidz bin Mohd Fadzri (Bahagian Pengambilan)

Kategori Irama Tradisional:


Johan : Encik Razali bin Muhammad (Urus Setia SPA Cawangan Sabah)
 Naib Johan : Encik Muhammad Faizal bin Kamsani (Bahagian Pengurusan)
 Ketiga : Encik Suhaimi bin Ismail (Bahagian Pengurusan)

Persembahan Terbaik : Encik Suhaimi bin Ismail (Bahagian Pengurusan)

Pemenang-pemenang
 Pertandingan Akhir
 Talentime SPA 2010







13

**AKTIVITI SUKAN
DAN SOSIAL
WARGA SPA**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PROGRAM KECERGASAN DAN HARI KELUARGA SPA 2010

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan Program Kecergasan dan Hari Keluarga SPA 2010 pada 21 November 2010 bertempat di Merbuk Park, Taman Wetland, Putrajaya. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri, Pengerusi SPA. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah seperti Senam Seni, Sukaneka, Cabutan Bertuah dan Pemeriksaan Kesihatan. Turut hadir ialah Timbalan Pengerusi SPA, YBhg. Dato' Ahmad bin Said, Ahli-Ahli Suruhanjaya dan warga SPA. Program Kecergasan dan Hari Keluarga SPA tahun 2010 ini bertemakan "Cergas Sihat, Budaya SPA".



Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri merasmikan Program Kecergasan dan Hari keluarga SPA 2010 di Taman Wetland, Putrajaya pada 21 November 2010



Warga SPA mengambil bahagian dalam Acara Sukaneka



Acara Sukaneka Kategori VIP



Penyampaian hadiah oleh Pengerusi SPA untuk pemenang Acara Sukaneka

PELANCARAN PROGRAM SENAM SENI 1 MALAYSIA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah melancarkan Program Senam Seni 1 Malaysia di SPA pada 9 November 2010 bertujuan untuk mendidik warga SPA tentang kepentingan menjaga kesihatan dengan mengamalkan senaman yang betul. Majlis telah dirasmikan oleh Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo. Program Senam Seni akan diadakan pada setiap hari Rabu bermula pada jam 5.30 petang dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).



Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo bersama Ketua Pengarah JKKN menyentuh bola kaca simbolik perasmian Semarak Santai Senam Seni 1 Malaysia



Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo bersama Timbalan Setiausaha SPA, Puan Lim Mooi Eia dan warga SPA melakukan aksi Senam Seni 1 Malaysia



YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo ditemu bual oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM)

JOHAN BOLA JARING MAKSWIP 2010

Pasukan bola jaring SPA telah melakar sejarah dengan menjadi Johan Bola Jaring MAKSWIP 2010 yang berlangsung di Dewan Taman Tasik Titiwangsa pada 27 Februari 2010. Pasukan SPA telah menewaskan pasukan Majlis Sukan Negara (MSN) dengan jaringan 14-7. Sebanyak 20 pasukan dari pelbagai Kementerian dan Jabatan telah menyertai pertandingan tersebut dan SPA telah memenangi kesemua perlawanan serta menjadi johan kumpulan.



Pasukan Bola Jaring SPA bergambar bersama Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo selepas menjadi Johan di Kejohanan Bola Jaring MAKSWIP 2010

JOHAN BOWLING JABATAN PERDANA MENTERI 2010

Pasukan bowling lelaki SPA telah menjadi Johan dalam Pertandingan Bowling Terbuka Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2010 pada 27 September 2010. Pasukan SPA diwakili oleh Encik Che Harun Mohammad, Encik Zaimi Khalid, Encik Mohd Rohaizat Mohamad Ruzaimi dan Encik Joharry Othman. Dengan memperolehi 2,118 jatuhan pin, SPA telah menewaskan pasukan dari Tabung Haji yang mendapat tempat kedua dan APMM di tempat ketiga.



Pasukan Bowling SPA

JOHAN PERTANDINGAN NASYID PERINGKAT JABATAN PERDANA MENTERI DAN PERINGKAT KEMENTERIAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah menjadi Johan dalam pertandingan akhir Festival Nasyyid Peringkat Jabatan Perdana Menteri yang telah berlangsung di Auditorium Jabatan Perdana Menteri pada 22 April 2010. Kumpulan Nur Jannah SPA telah menyampaikan lagu ciptaan Nurkallam dan lirik oleh Aziana Abdullah bertajuk Hijrah Hati telah menewaskan sembilan (9) kumpulan lain yang bertanding. Hadiah berupa piala, sijil dan wang tunai telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, YBhg. Dato' Zainol bin Othman. SPA juga telah menjadi Johan dalam Festival Nasyyid Peringkat Kementerian yang diadakan pada 14 Oktober 2010. Hadiah berupa wang tunai RM3,000, sijil dan piala pusingan telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha JPM, YBhg. Dato' Othman Ismail.



Kumpulan Nur Jannah - Juara Festival Nasyyid JPM 2010



14 PENGHARGAAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Penghargaan

Suruhanjaya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

- Ketua Setiausaha Negara, semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis serta pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri yang telah melaksanakan beberapa tugas Suruhanjaya berpandukan kepada kuasa yang diwakilkan;
- Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama dalam menyediakan kemudahan untuk urusan temu duga dan peperiksaan di negeri masing-masing;
- Ahli Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan iaitu:
 - Tuan Haji Abang Talhata bin Haji Abang Hazemi, 15 Julai 2010
 - Pengiran Haji Zain bin Pengiran Haji Salleh, 12 Oktober 2010
 - YBhg. Dato' Noraina Amenyah binti Yahaya Uddin, 5 November 2010



Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri menyampaikan cenderamata kepada Tuan Haji Abang Talhata bin Haji Abang Hazemi yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 15 Julai 2010



Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri menyampaikan cenderamata kepada Pengiran Haji Zain bin Pengiran Haji Salleh yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 12 Oktober 2010

LAGU SPA

Dengan Semangat Merdeka
Tertubuhnya Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Malaysia
Satu Badan Yang Penuh Berwibawa

Bebas, Adil Dan Berkesan
Asas Segala Urusannya
Melaksanakan Fungsi Perlembagaan
Mencorak Perkhidmatan Awam Negara

Kualiti Menjadi Teras Perkhidmatan
Mudah, Cepat, Tepat Asas Tindakan
Nilai Etika Murni Diamalkan
Mendokong Perkhidmatan Cemerlang

Sentiasa Bertekad Dan Berusaha
Menempuh Arus Kemajuan
Berebekal Semangat Yang Waja
Bergerak Mencapai Wawasan

Lagu oleh : Encik Abdul Rahman bin Jaafar (Urus Setia SPA Cawangan Sarawak) dan
Allahyarham Alias bin Jamsuri (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)

Lirik oleh : Tuan Hj Zolkiflie bin Rasip (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)

Sidang Redaksi 2010

PENAUNG

YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ahmad bin Said
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

KETUA SIDANG PENGARANG

YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

TIMBALAN KETUA SIDANG PENGARANG

Encik Ramli bin Juhari
Timbalan Setiausaha (Pengambilan)

Puan Lim Mooi Eia

Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)

SETIAUSAHA

Encik Mohd Nazri bin Dollah
Setiausaha Bahagian (Pengurusan)

SIDANG PENGARANG

Puan Radziah binti Mohd Sharif
Puan Norfazrin binti Mohamad Noh
Cik Siti Dinar binti Othman
Encik Zainol bin Darus
Encik Mohd Faizal bin Marzuki
Cik Salwa Izani binti Kamarzaman
Cik Isabella Senti Ak Rijeng
Cik Kartini binti Sukarno
Cik Sasila binti Jalani
Encik Muhammad Fadzlan bin Basroh

JURUFOTO

Encik Fadzil bin Sanom

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,
Aras 6-10 Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62520 Putrajaya.
No Tel : 03-88856000

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,
Urus Setia Cawangan Sabah,
Aras 1, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS/Sulaman, Likas,
88450 Kota Kinabalu, Sabah.
No Tel : 088-488922

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,
Urus Setia Cawangan Sarawak,
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93520 Kuching, Sarawak.
No Tel : 082-240011

Alamat Portal SPA: <http://www.spa.gov.my>



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62520 Putrajaya, Malaysia.

www.spa.gov.my

Mudah, Cepat & Tepat